



● BIL 273 ● 2 - 8 OGOS 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

HARIMAU ASIA 2027

**Bahana kecanduan
kafein**
➤➤ 9-11

**Lidah lebih tajam
menghiris**
➤➤ 14

**Pesanan terakhir
Pak Ngah**
➤➤ 16

Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi

LANGKAH BANTERAS JENAYAH

SYED HAZIQUE

LANGKAH proaktif kerajaan mewajibkan semua perkhidmatan media sosial dan pesanan Internet memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) adalah bijak dan tepat.

Penganalisis keselamatan dan politik di Pusat Pengajian Perang Saraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Dr Noor Nirwandy Mat Noordin** berkata ia mampu memberi impak positif terhadap ekosistem media sosial negara khususnya bagi kes-kes berkaitan dengan jenayah.

Menurutnya, perkara tersebut sangat dinantikan kerana ia dapat memberi kelegaan kepada masyarakat supaya bebas menggunakan media sosial namun pada masa sama tertakluk kepada perundangan.

“Langkah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) mewajibkan semua perkhidmatan media sosial dan pesanan Internet memohon lesen adalah amat

digalakkan.

“Malah, ia juga penting bagi memastikan pengawalan dari segi elemen-elemen akan datang seperti kecerdasan buatan (AI) dan lebih membimbangkan ialah kesan AI generatif yang boleh mengeluarkan apa-apa bentuk maklumat atau kandungan mengelirukan mengundang kelakuan jenayah tidak diinginkan.

“Ini adalah cabaran dalam kita menghadapi teknologi masa kini, di mana penting untuk kita mendepani dengan satu bentuk tatakelola penggunaan media sosial yang lebih bijak, pintar, berinovasi dan yang paling penting berasaskan identiti kerajaan dan rukun negara,” katanya kepada Wilayahku.

Tambah Noor Nirwandy, semua pihak harus bekerjasama menyokong dan pada masa sama menambah baik dari semasa ke semasa untuk manfaat bersama.

“Setiap pengamal media sosial dan pemberi perkhidmatan harus wajib memahami latar belakang



LANGKAH MCMC mewajibkan semua perkhidmatan media sosial dan pesanan Internet memohon lesen adalah amat digalakkan. - Gambar hiasan

budaya masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan bangsa.

“Agar lebih mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan bersama kita boleh membentuk satu penggunaan ekosistem media sosial yang lebih baik dalam mendepani cabaran-cabaran yang

akan datang serta membentuk negara ke arah perkara yang lebih baik di masa hadapan.

“Ini salah satu langkah yang dilihat bertepatan pada masanya dan ia perlu dilaksanakan dengan kerjasama daripada semua pihak secara berterusan,” ujarnya.

Jelasnya lagi, beliau mencadangkan satu jawatankuasa diwujudkan yang terdiri daripada pakar media sosial, perang saraf dan generasi muda bagi perihal media sosial.

“Supaya kita dapat mewujudkan kerangka yang lebih jelas serta terkehadapan dalam menghadapi ancaman di samping memastikan supaya tidak ada penindasan terhadap hak asasi di dalam negara ini berdasarkan kerangka Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

“Ia juga penting bagi membentuk satu identiti negara di dalam media sosial supaya pemikiran semua pengguna media sosial memegang Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta menggunakan satu bentuk tatakelola media sosial yang lebih jelas berdasarkan prinsip identiti negara yang sebenar,” katanya.

Sementara itu, baru-baru ini media melaporkan peraturan media sosial dan perkhidmatan pemesejan Internet yang bakal diperkenalkan oleh kerajaan adalah bertujuan mengatasi penyebaran jenayah serta maklumat berbahaya. **17**

Peraturan wujud persekitaran maya

PERDANA Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** menegaskan bahawa peraturan di media sosial dan perkhidmatan pemesejan Internet yang bakal diperkenalkan bagi mengatasi penyebaran jenayah.

Menurut Anwar, ia sekali gus mewujudkan persekitaran maya yang selamat untuk semua pengguna media sosial di negara.

“Marcapada dan kecanggihan teknologi menuntut mana-mana pihak khususnya warga maya untuk meletakkan ketertiban tinggi.

“Ia juga tanpa menimbulkan sensitiviti hingga menggugat keamanan dan ketenteraman ketika menggunakan mana-mana platform media sosial yang ada,” katanya.

Tambah Anwar, peraturan di media sosial dan perkhidmatan pemesejan Internet yang bakal diperkenalkan kerajaan adalah untuk mengatasi penyebaran jenayah dan maklumat berbahaya.

“Kerajaan sedar mungkin ada beberapa sekatan atau peraturan yang tidak popular namun ia perlu demi kesejahteraan masyarakat,” ujarnya.

Dalam pada itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) mengumumkan bahawa satu kerangka kawal selia baharu akan diperkenalkan pada 1 Ogos dan mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2025.

Tambah MCMC, ia selaras keputusan Jemaah Menteri bahawa perkhidmatan media sosial dan perkhidmatan Internet mesti mematuhi undang-undang Malaysia.

MCMC menegaskan ia demi memerangi peningkatan kes jenayah siber termasuk

penipuan dalam talian, buli siber dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

“Menerusi kerangka baharu ini, semua perkhidmatan media sosial dan perkhidmatan pesanan Internet yang mempunyai sekurang-kurangnya lapan juta pengguna berdaftar di Malaysia perlu memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

“Kegagalan memperoleh lesen selepas tarikh kuat kuasa adalah satu kesalahan, dan tindakan perundangan sewajarnya boleh diambil di bawah Akta 588,” katanya.

MCMC turut menjelaskan sebelum ini, platform-platform tersebut telah dikecualikan daripada keperluan pelesenan berdasarkan Perintah Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) (Pengecualian) 2000.

Terdahulu, media melaporkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata perundangan baharu bagi meningkatkan tahap keselamatan digital merangkumi peruntukan berhubung tatacara dan penguatkuasaan akan dibentangkan di Parlimen Oktober ini.

Beliau berkata undang-undang itu antara lain bakal meletakkan tanggungjawab kepada penyedia perkhidmatan media sosial dan pesanan Internet untuk memainkan peranan bagi menangani jenayah dalam talian seperti penipuan, buli siber, penyebaran bahan penganiayaan seksual kanak-kanak serta gangguan dan antun seksual. **17**



PERUNDANGAN baharu bagi meningkatkan tahap keselamatan digital akan dibentangkan di Parlimen Oktober ini. - Gambar hiasan

Penggunaan nama Harimau Asia

METAFORA PRESTASI EKONOMI

SYED HAZIQUE

PENGUNAAN metafora untuk mengembalikan Malaysia sebagai Harimau Asia adalah salah satu usaha kerajaan untuk membentuk hala tuju ke negara maju, berdaya saing yang memberi manfaat kepada semua rakyat.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid**, berkata ia adalah satu langkah indikator untuk negara terus memacu dan mengembangkan lagi ekonomi.

“Prestasi semasa ekonomi negara menunjukkan pertumbuhan yang positif dan memberangsangkan untuk menuju ke arah negara ekonomi maju.

“Walau langkah masih jauh namun potensi itu ada, kita perlukan pertumbuhan ekonomi pesat, perlukan pelan dasar ekonomi untuk merencanakan ekonomi negara.

“Selain itu, kita juga perlu mengambil kira faktor-faktor industri yang menjadi pemacu utama yang mampu menghasilkan, dana atau hasil yang tinggi dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk terus mengembangkan pertumbuhan

ekonomi negara,” katanya kepada Wilayahku.

Jelas Mohd Afzanizam, sasaran berkenaan mampu dicapai selepas mengambil kira kadar pengembangan ekonomi dan mempertimbangkan potensi risiko-risiko daripada sektor luaran yang boleh memberi kesan kepada tinjauan pertumbuhan dalam jangka terdekat.

“Harimau Asia hanyalah satu gambaran piawai negara kita yang mahu dicapai untuk menuju ke arah negara berpendapatan tinggi yang ditetapkan oleh Bank Dunia.

“Salah satu segi yang dilihat ialah pendapatan per kapita

negara merupakan parameter yang ditetapkan. Bagi mencapai pendapatan per kapita yang tinggi, negara perlu pertumbuhan ekonomi yang pesat.

“Justeru itu, banyak usaha dan inisiatif kerajaan seperti subsidi bersasar, menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menjadikan sumber dana kerajaan kena tepat pada tempatnya yang akan diterjemahkan kepada produktiviti tinggi dan pendapatan tinggi,” ujarnya.

Mohd Afzanizam menjelaskan,



AFZANIZAM



NEGARA perlu pertumbuhan ekonomi yang pesat.

kalau tahun lepas kerajaan banyak berkongsi blueprint, pelan serta dasar bagi mengembangkan ekonomi, tahun ini dan seterusnya akan menyaksikan tahun pelaksana.

“Kalau kita lihat tahun ini juga, banyak langkah-langkah yang telah dilaksanakan kerajaan termasuk langkah kurang popular seperti kenaikan cukai, pengenalan cukai baharu, subsidi bersasar dan macam-macam lagi.

“Kesan atau manfaat

pelaksanaan itu akan diterima negara bukan sahaja dalam masa terdekat malah termasuk pertumbuhan ekonomi yang positif baru-baru ini seperti yang diumumkan oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli,” katanya.

Tambahnya lagi, pelabur-pelabur asing sudah mula memandangi Malaysia hasil daripada pelaksanaan kurang popular kerajaan yang memberi tarikan kepada pelabur untuk melakukan pelaburan di negara sekali gus

meningkatkan ekonomi negara.

“Pihak pelabur asing sentiasa menilai perkara-perkara sebegini. Mereka akan menilai prospek apa akan jadi masa akan datang kepada negara apakah akan jadi satu pertumbuhan baik atau sebaliknya sebelum melakukan pelaburan.

“Ekonomi negara jelas berada di landasan yang tepat susulan institusi perbankan utama dunia, JPMorgan meningkatkan penarafan Malaysia kepada neutral selepas hampir enam tahun mengekalkan pendiriannya pada tahap *underweight*.

“Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu atas pelbagai faktor, cabaran dan persaingan, penarafan itu disifatkan sebagai berita gembira kerana usaha kerajaan mendapatkan keyakinan pelabur membuahkan hasil lumayan.

“Kita boleh lihat dasar-dasar kerajaan yang lebih bersifat pragmatik, progresif di mana ia membuahkan hasil.

“Jikalau momentum ini diteruskan maka kita akan memperoleh lebih banyak kesan-kesan positif, dengan kemungkinan nilai ringgit semakin mengukuh, prestasi Bursa Malaysia meningkat dan pelbagai lagi semuanya untuk kebaikan negara dan rakyat,” katanya.

Malaysia ke arah berpendapatan tinggi

MENTERI Ekonomi, **Rafizi Ramli** menegaskan Malaysia berpotensi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2027.

Menurut Rafizi, ia boleh dicapai sekiranya ekonomi negara tumbuh empat hingga lima peratus setiap tahun dan ringgit mengukuh sekitar RM4.20 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Tambah beliau, sekiranya sasaran itu dapat dicapai Malaysia dilihat berpotensi menjadi kuasa ekonomi Asia atau seterusnya bangkit kembali bergelar Harimau Asia.

“Dari segi kompleksiti, faktor itu juga bergantung kepada berapa banyak keluaran eksport dengan kemampuan negara untuk menjadi hub kewangan antarabangsa, selain prestasi semasa Bursa Malaysia.

“Ketersediaan Malaysia dalam sektor-sektor ekonomi masa akan datang termasuklah dari segi kemampuhan sektor tenaga, pertumbuhan pusat data dan pengeluaran cip elektronik melangkaui penggunaan sedia ada.

“Termasuk juga potensi skala industri ekonomi melangkaui aktiviti sedia ada, disokong pusat data dunia yang akan dikendalikan oleh



STATUS negara berpendapatan tinggi boleh dicapai sekiranya ekonomi negara tumbuh empat hingga lima peratus setiap tahun.

AI (kecerdasan buatan).

“Masyarakat antarabangsa memberi tumpuan kepada Malaysia sekarang ini untuk melihat sama ada kita boleh guna kelebihan ini untuk berada di hadapan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi (BE) 2023.

Turut hadir Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Rafizi menegaskan ukuran untuk

digelar sebagai Harimau Asia bukan dilihat dari segi jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata.

Sehubungan itu, beliau berkata tidak ada definisi khusus untuk digelar sebagai Harimau Asia kerana sasaran ekonomi yang kukuh perlu mengikut kepada piawai antarabangsa.

Namun, jelas Rafizi Malaysia perlu menumpukan sektor bernilai tinggi sekiranya mahu mengembalikan semula status sebagai Harimau

Asia dan antara sektor bernilai tinggi yang perlu diberi perhatian adalah penciptaan dan reka bentuk cip.

“Jika dilihat di dalam BE 2023, syarikat yang mereka bentuk cip di Malaysia boleh dikira dengan jari.

“Jadi bolehkah kita sebagai kerajaan memastikan dasar-dasar dan program untuk tempoh lima tahun akan datang memberi tumpuan kepada sektor-sektor sebegini.

“Jika KDNK kita pada empat hingga lima peratus setiap tahun dan mata wang mengukuh sekitar RM4.20 berbanding satu dolar AS untuk beberapa tahun akan datang, Malaysia akan jadi negara maju dan berpendapatan tinggi.

“Ini adalah piawai mudah, soal Harimau Asia atau tidak, perlu mengikut piawai tetapi pelabur melihat potensi masa depan, jadi Malaysia berpotensi untuk tumbuh dengan baik,” ujarnya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata BE 2023 menunjukkan terdapat 1,091,867 pertubuhan yang beroperasi pada 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.5 peratus berbanding banci terdahulu yang dijalankan pada 2016 bagi tahun rujukan 2015 dengan sebanyak 920,630 pertubuhan.

Tambah Mohd Uzir, sejumlah 951,862 pertubuhan atau 87.2 peratus tertumpu dalam sektor perkhidmatan, diikuti dengan sektor pembinaan (71,062 pertubuhan atau 6.5 peratus) dan sektor pembuatan (54,505 pertubuhan atau 5.0 peratus).

Jelas beliau, sektor pertanian dan perlombongan dan pengkuarian kedua-duanya menyumbang selebihnya, masing-masing dengan 12,998 dan 1,440 pertubuhan.

“Nilai output kasar bagi keseluruhan sektor ekonomi berjumlah RM3.8518 trilion pada 2022, meningkat 6.4 peratus setiap tahun.

“Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pertumbuhan yang kukuh bagi sektor pembuatan dengan 7.5 peratus, mencatatkan RM1.8937 trilion berbanding RM1.142 trilion pada tahun 2015 dan didorong oleh subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

“Ini diikuti dengan sektor perkhidmatan, yang meningkat 5.7 peratus kepada RM1.4266 trilion dan sektor perlombongan dan pengkuarian meningkat 6.5 peratus kepada RM204.1 bilion,” ujar beliau.

Perkhidmatan teksi, e-hailing Labuan

SERAGAM SEMULA TAMBANG

KHAIRUL IDIN

KIRA-KIRA 40 pengusaha teksi di Labuan merayu kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan pihak berwajib menguatkuasakan dan menyeragamkan semula kadar harga perkhidmatan teksi dan e-hailing.

Menurut Pengerusi Persatuan Pengusaha Teksi Labuan, **Ismail Abdul Rahman**, pihaknya mengakui dan tidak menolak sebarang perubahan kemodenan masa kini seperti kemunculan perkhidmatan e-hailing yang memberi peluang ekonomi kepada masyarakat dan negara.

Namun perbezaan kadar harga tambang yang berlainan menjadi satu penyebab perkhidmatan teksi tidak lagi menjadi pilihan utama oleh masyarakat mahupun pelancong yang datang ke pulau tersebut.

"Saya dan ahli persatuan yang juga pengusaha teksi yang masih beroperasi merayu kepada kerajaan agar mengambil tindakan sewajarnya mempertimbangkan untuk menyeragamkan semula harga tambang teksi dan e-hailing.



ISMAIL



MASLANI

"Kami di sini tidak takut dan menolak e-hailing, namun apa yang kami mahukan adalah tambang yang dicaj harus sama dan ia terpulang kepada pelanggan untuk menentukan pilihan mereka," katanya kepada Wilayahku.

Tambahnya, dia turut menyuarakan cadangan agar pihak berkuasa tempatan memperuntukkan dua lokasi tetap iaitu di Terminal Feri Antarabangsa Labuan dan Lapangan Terbang Labuan dikhususkan kepada pengusaha teksi sahaja.

Beliau berkata cadangan itu diharap dapat dipertimbangkan agar nasib pengusaha teksi di pulau tersebut terbela sekali gus memperoleh sedikit pendapatan di dua lokasi strategik itu demi kelangsungan hidup.

"Dengan sedikit pendapatan itu dapatlah kami bertahan meneruskan kehidupan," katanya sambil memaklumkan kini hanya sekitar 40 pengusaha teksi yang masih beroperasi berbanding 150 pengusaha sebelum ini.

Sementara itu, seorang pemandu teksi, **Mohd Maslani Abdullah**, 66, mengakui



HANYA sekitar 40 pengusaha teksi di Labuan masih beroperasi berbanding 150 pengusaha sebelum ini.

pendapatannya terjejas teruk dengan kemunculan perkhidmatan e-hailing yang sering beroperasi di sekitar bandar terutamanya di Terminal Feri Antarabangsa Labuan dan Lapangan Terbang Labuan.

Maslani berkata setiap bulan dia hanya mampu memperoleh pendapatan kurang daripada RM300 berbanding tahun-tahun sebelumnya.



ZULKEFLE

"Kami tiada pilihan jika penumpang lebih memilih untuk menggunakan perkhidmatan e-hailing memandangkan harga yang ditawarkan lebih murah sedangkan tambang bagi teksi ditentukan kerajaan.

"Maka dengan itulah, kami menggesa kepada pihak berwajib untuk mengambil langkah agar nasib kami terbela. Jika perkara ini berterusan sehingga tiada

penghujungnya, saya percaya perkhidmatan teksi pada tahun ke hadapan akan lenyap begitu sahaja," katanya.

Jelasnya kadar tambang teksi bermula RM15 hingga RM35 setiap perjalanan mengikut zon yang diperuntukkan.

Bagi **Md Zulkefle Mustapha**, 49, pula ketiadaan pengunjung luar selain kurangnya orang ramai berurusan di pulau tersebut menyebabkan permintaan terhadap perkhidmatan teksi terus berkurangan hari demi hari.

JPN Labuan nafi tawar tender makanan

PEJABAT Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Labuan menafikan tawaran tender perkhidmatan bekalan makanan seperti yang tular, baru-baru ini.

Menurut agensi itu dalam satu kenyataan, pihak telah mengesan satu surat tawaran palsu berhubung penerimaan tender pembekalan makanan yang bernilai lebih RM150,000.

Pihaknya menerima beberapa aduan daripada orang awam yang tertipu dengan perkara terbabit.

Katanya, pihak tidak bertanggungjawab itu membuat panggilan telefon dan menyerahkan surat tawaran yang menggunakan kepala surat JPN UTC Wilayah Persekutuan Labuan.

"Pihak kami menerima aduan dan mereka yang menerima pelawaan tender tersebut merupakan beberapa syarikat di pulau ini.

"Kami ingin memaklumkan tiada perkhidmatan tersebut ditawarkan



pada masa ini, selain mengesahkan tiada pelantikan pihak ketiga untuk membuat penawaran bagi pihak JPN Labuan.

"Untuk tindakan selanjutnya, JPN Labuan telah membuat laporan polis berhubung kes itu," katanya.

Sehubungan itu, JPN Labuan meminta orang ramai agar berhati-hati dengan tawaran yang mencurigakan.

"Orang awam dinasihatkan menghubungi JPN Labuan di talian **087-443631** untuk mendapatkan pengesahan jika mempunyai sebarang keraguan berkaitan khidmat dan urusan niaga di bawah

Kukuh sistem percukaian

LEMBAGA Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) melancarkan MyInvois melalui pelaksanaan e-Invois untuk memperkukuhkan sistem percukaian negara, meningkatkan ketelusan dan membuat penilaian risiko pematuhan lebih tepat.

Menurut LHDN, e-Invois akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama melibatkan 5,000 syarikat yang merekodkan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta bermula 1 Ogos 2024.

"Fasa kedua akan bermula pada 1 Januari 2025, melibatkan syarikat yang merekodkan pendapatan atau jualan tahunan antara RM25 juta hingga RM100 juta dan seterusnya melibatkan semua pembayar cukai mulai 1 Julai 2025," katanya dalam satu kenyataan.

Untuk memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan lancar dan efektif, LHDN telah menyediakan dua mekanisme penghantaran e-Invois melalui Portal MyInvois dan Application Programming Interface (API) untuk kemudahan pengguna.

Persekitaran pengujian dan produksi bagi API telah disediakan sejak April 2024 manakala Portal



E-INVOIS akan dilaksanakan secara berperingkat. - Gambar hiasan

MyInvois pula telah mula digunakan pada Jun 2024.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata Kementerian Kewangan telah mengumumkan bahawa Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan pendapatan atau jualan tahunan di bawah RM150,000 dikecualikan daripada pelaksanaan e-Invois.

Bagaimanapun, beliau berkata PMKS digalakkan untuk melaksanakan e-Invois secara sukarela.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif LHDN,

Datuk Abu Tariq Jamaluddin berkata pelancaran sistem MyInvois ini merupakan titik permulaan reformasi percukaian di Malaysia dan memacu negara ke arah inovasi digital yang lebih mampan.

"Demi memastikan agenda nasional kerajaan ini direalisasikan, LHDN optimis dan komited dalam memastikan persiapan pelaksanaan e-Invois bagi fasa kedua dan fasa ketiga melibatkan jaringan pembayar cukai lebih besar berlangsung dengan sebaik mungkin sekali gus menjadikan platform e-Invois sebagai pemacu utama sistem percukaian negara," ujar beliau.

Lesen platform media sosial menyusahkan rakyat

SEKATAN DEMI KEBAIKAN

MUTAKHIR ini kita disajikan dengan pelbagai kisah kurang enak dalam kalangan masyarakat akibat penyalahgunaan media sosial yang dilihat semakin berleluasa.

Antaranya kes buli siber sehingga menyebabkan berlakunya kes bunuh diri disebabkan stres yang melampau selain fitnah dan pergaduhan sesama sendiri.

Menyedari perkara tersebut serta demi kebaikan semua pihak, kerajaan bakal memperkenalkan lesen buat semua pengguna media sosial sebagai langkah keselamatan bersama.

Malah, kegagalan memperoleh Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi yang dikuat kuasa bermula 1 Januari depan boleh dikenakan tindakan perundangan sewajarnya mengikut Akta 588.

Nampaknya di sebalik langkah yang tepat tersebut, ia bukanlah sesuatu yang digemari oleh sesetengah pihak kerana bagi mereka ia hanyalah menjadi beban buat masyarakat.

Segelintir pengguna media sosial mengkritik tindakan bijak tersebut kerana bagi mereka ia hanya dilakukan kerana pihak kerajaan 'koyak' dengan komen negatif yang



dilemparkan kepada kerajaan.

Bagi mereka ia hanyalah bermotif politik dan bukanlah untuk melindungi rakyat sepenuhnya. Malah, ada yang turut mempertikaikan tugas kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang siber.

Memetik ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

pada Majlis Perasmian Persidangan Pemikiran dan Tamadun Islam Sedunia 2024 (WCIT 2024) baru-baru ini, beliau menegaskan kerajaan perlu mengambil langkah untuk membanteras gejala tersebut meskipun bukanlah pilihan majoriti.

"Kerajaan punyai masalah sekarang apabila kita cuba memperkenalkan beberapa sekatan

yang tidak semestinya popular kerana mereka yang yakin terhadap kebebasan tanpa kawalan, berhak untuk ekspresikan pandangan tanpa mengambil kira impaknya kepada masyarakat," katanya.

Malah, usaha menangani lambakan berita palsu, penipuan dan buli siber menerusi media sosial memerlukan lebih banyak peraturan.

"Mereka mengabaikan hakikat bahawa ada wanita mengambil keputusan, terpaksa atau terdesak untuk melakukan perbuatan bunuh diri disebabkan sesuatu pencabulan," katanya dipercayai merujuk kes kematian pengengaruh media sosial, Rajeswary Appahu, 29, atau Esha pada 5 Julai lalu.

Satu kerangka kawal selia baharu ke atas perkhidmatan media sosial dan pesanan Internet diperkenalkan 1 Ogos ini, selaras keputusan Kabinet bahawa perkhidmatan media sosial dan perkhidmatan pesanan Internet mesti mematuhi undang-undang Malaysia.

Rasanya tidak perlu mempertikaikan apa yang diputuskan oleh pihak kerajaan demi kepentingan bersama. Jika tidak melakukan sebarang kesilapan kenapa perlu takut?

Kerajaan Perpaduan tetap utuh

KECOH baru-baru ini kononnya parti komponen kerajaan iaitu UMNO dan DAP kini tidak lagi sehaluan sekali gus dilihat akan memberi kesan kepada sokongan rakyat.

Pelbagai dakwaan timbul antaranya DAP ingin menjadi 'abang besar' dalam kerajaan dan menganggap UMNO sekadar tempelan.

Apa yang lebih dahsyat apabila ada yang memfitnah kononnya DAP mahukan wakilnya menjadi Perdana Menteri.

Hakikatnya, isu-isu ini sengaja dimainkan agar DAP dan UMNO berpecah dan seterusnya mengganggu struktur kerajaan hari ini.

Fitnah yang dilemparkan itu tidak berasas sama sekali kerana DAP sebenarnya mahu UMNO kembali kuat semula.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim pernah menyatakan pendirian secara terbuka mahu melihat UMNO kembali kuat dan menjadi tempat berpaut kepada DAP untuk kekal relevan dalam landskap politik tanah air.

Timbalannya, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata lebih mengejutkan, Steven membuat pengakuan itu di hadapan Jemaah Menteri ketika sesi mesyuarat pasca Kabinet baru-baru ini.

"Yang Berhormat Steven Sim pernah menyatakan UMNO perlu kuat, kami (DAP) hanya nak



ABDUL RAHMAN (tengah) bersama kepimpinan UMNO pada Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Tanjong Karang.

menumpang UMNO sahaja, DAP hanya boleh menang kerusi antara 40 hingga 43 kerusi, tak mungkin lebih dari itu.

"Kami pula masyarakat Cina, tak ramai anaknya dan tak mungkin kami nak menuntut menjadi Perdana Menteri, itu saranan beliau.

"Kalau UMNO tidak kuat, kami tak boleh menumpang pada UMNO, saya beri kebenaran kepada Datuk, guna sewenang-wenangnya masa yang ada ini untuk memperkukuhkan UMNO itu sendiri," katanya.

Terdahulu, Abdul Rahman merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Tanjong Karang di Dewan Dato Hormat.

Turut hadir Ketua UMNO

Bahagian Tanjong Karang, Datuk Sulaiman Abdul Razak dan Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor, Datuk Jahaya Ibrahim.

Abdul Rahman juga memberitahu, beliau turut diarahkan oleh Steven untuk memanfaatkan masa yang berbaki bagi menguatkan UMNO di seluruh negara.

"Datuk pergilah Pantai Timur, datuk pergilah ke utara, datuk pergilah ke selatan, untuk membantu UMNO supaya UMNO itu bertambah kuat.

"Daripada riak muka beliau, saya nampak keikhlasan hatinya waktu beliau beritahu kepada saya," katanya lagi.

Selain itu, Abdul Rahman juga

menyangkal persepsi negatif dilemparkan terhadap DAP dengan panggilan jelik termasuk cauvanis dan sosialis sedangkan perkara itu tidak berasas.

"Mereka ini tidak seperti yang kita sangkakan sebelum ini. Yang Berhormat, Nga Kor Ming pernah menyebut beliau tak sangka rupanya Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi seorang yang rajin bekerja, mempunyai idealisme tinggi dan mereka (DAP) sangat seronok bekerja bersama beliau.

"Ini apa yang mereka lontarkan yang saya dengar, Steven Sim ini sudah pasti orang yang rapat dengan saya dan sentiasa bersama dengan saya," tambahnya.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

27-28/7/24: Festival TARI 2024 Malaysia @ Universiti Malaysia

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong

7/9/24: Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

2 - 4/8/24: Putrajaya Equine Festival @ Putrajaya Equestrian Park

24/8/24: Pertandingan Barista Latte Art @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

LABUAN

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 /**

019-266 5850

Projek Quick Win PA/PPR

PENDUDUK KEKAL SEJAHTERA

SYED HAZIQUE

PROJEK Quick Win Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) 2024 melibatkan 64 kawasan seluruh ibu kota disempurnakan dengan jayanya baru-baru ini.

Program tersebut diilhamkan melalui pelaksanaan Blueprint Perumahan 2023-2028, berteraskan Kemampanan Fizikal dan Infrastruktur dengan fokus memperkasakan Program Penyelenggaraan dan Naik taraf PA dan PPR.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata program tersebut diselaras oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kolaborasi bersama komuniti setempat serta beberapa badan bukan kerajaan (NGO).

"Fokusnya adalah bagi memperkasakan Program penyelenggaraan dan naik taraf PA dan PPR, selain mewujudkan persekitaran kediaman yang ikonik.

"Kita menggalakkan setiap PPR itu supaya penduduk sendiri memainkan peranan juga sebab kita boleh buat sekali program tetapi untuk kekalkan kesejahteraan ataupun keindahan dan sebagainya itu ia memerlukan komitmen daripada penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Majlis Pelancaran Progran Kesejahteraan PA/PPR Quick Win di PA Seri Kota, baru-baru ini.



ZALIHA (tengah) merasmikan Projek Quick Win PA dan PPR.

Hadir sama dalam majlis tersebut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Tambah Zaliha, elemen utama program adalah kebersihan, keindahan, kehijauan dan keselamatan.

"Ia melibatkan aktiviti gotong-royong, keceriaan, cantasan dan penanaman pokok baharu serta penundaan kenderaan buruk," ujarnya.

Dalam pada itu, Zaliha berkata sebanyak 1,634 buah kenderaan tersadai telah dikenal pasti berada

di seluruh Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Zaliha menjelaskan, pihak DBKL akan melakukan kerja peralihan kenderaan-kenderaan tersadai itu menerusi beberapa proses terlebih dahulu.

"Antara proses berkenaan adalah memastikan kereta terbabit bebas daripada digunakan untuk aktiviti jenayah.

"Kita tidak boleh terus angkat semua, akan lalui beberapa proses sebelum semua kenderaan ini dapat dilupuskan," katanya. 



600 vaksin kucing percuma

ORANG ramai khususnya peminat dan pencinta kucing dijemput hadir ke Program Jom Karnival Kucing MADANI pada 10 hingga 11 Ogos ini. Program tersebut yang bermula pada pukul 10 pagi hingga 9 malam akan diadakan di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB), Bandar Tun Razak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, **Datuk Azman Abidin** berkata objektif utama karnival tersebut diadakan bagi menanamkan konsep ihsan buat pengunjung terhadap haiwan-haiwan jalanan ini terutamanya kucing.

"Program ini adalah antara inisiatif kerajaan bagi menanam sifat ihsan bukan sahaja untuk manusia tetapi kepada makhluk tuhan yang lain. Semua sedia maklum, kadang-



JOM Karnival Kucing MADANI merupakan ilham daripada Wan Azizah yang cakna dengan masalah haiwan jalanan.

kadang, kita tahu haiwan-haiwan terbiar ini, dizalimi, ditendang, dibuang tanpa belas ihsan.

"Justeru itu, kerajaan amat prihatin terhadap isu haiwan-

haiwan jalanan tersebut dan kita mahu memupuk sifat kasih sayang terhadap haiwan-haiwan jalanan ini terutamanya buat kucing jalanan," katanya kepada Wilayahku.

Tambah Azman, program tersebut juga adalah ilham daripada Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail yang juga isteri kepada Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut beliau, semasa kempen Wan Azizah pada Pilihan Raya Umum (PRU) lepas, beliau melihat banyak masalah haiwan jalanan yang berkeliaran termasuk masalah tikus dan pelbagai lagi.

"Justeru itu, beliau (Wan Azizah), mengambil inisiatif untuk membina sebuah rumah kucing MADANI atas ihsan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menempatkan kucing-kucing jalanan di satu tempat agar tidak mengganggu masyarakat dan menyebarkan penyakit-penyakit berjangkit.

"Ia juga yang pertama diadakan di Malaysia, kita masih dalam perancangan untuk menambah beberapa buah rumah kucing di setiap Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) nanti," katanya.

Mengulas lanjut berkenaan Jom Karnival Kucing MADANI, antara program yang akan diadakan ialah pelancaran sukarelawan kucing, vaksinasi, kaunter pasport kucing, perihai penyakit berjangkit bawaan haiwan, mini zoo, kuiz, mewarna, soal jawab serta pelbagai lagi.

"Dalam program itu nanti, kita

akan memberi 600 vaksin percuma selain orang ramai juga akan diberi kesedaran tentang bahayanya penyakit-penyakit berjangkit bawaan haiwan-haiwan terbiar ini serta cara-cara mengatasinya.

"Kita harap masyarakat juga punya kesedaran betapa pentingnya untuk memberi vaksinasi kepada haiwan-haiwan peliharaan mereka bagi menjauhi atau mengelak daripada penyakit-penyakit berjangkit dan merbahaya.

"Selain itu, program pasport untuk membuat pengenalan kepada kucing-kucing ini antara tarikan yang bakal menanti pengunjung yang hadir dalam program tersebut.

"Pasport kucing ini adalah lain antara yang lain di mana haiwan tersebut akan mempunyai konsep sama seperti kad pengenalan diri.

"Di samping itu, turut diadakan perasmian sukarelawan kucing di mana setakat ini sebanyak 200 orang yang berdaftar akan membantu untuk menyelamatkan serta memberi kesedaran berkenaan isu kucing-kucing terbiar ini. Dalam karnival kucing itu juga, Wan Azizah akan turut hadir," ujarnya. 



Program Temu DBKL

DEKATI WARGA KOTA

SABRINA SABRE

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Karnival Santai Keluarga 50WP bagi memperkukuh hubungan di antara pihak berkuasa tempatan itu dengan warga kota.

Karnival yang merupakan program kemuncak bagi sambutan 50 Tahun Wilayah Persekutuan itu dianjurkan bersama Program Temu DBKL @ Wangsa Maju selama dua hari iaitu pada 27 dan 28 Julai 2024 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Taman Tasik Danau Kota.

Aktiviti karnival pada 27 Julai dimulakan dengan acara Senandika Filantropi Alam dengan aktiviti seperti Konsert Puisi, Marathon Kucing serta Pameran Seni dan Kraf.

Pada 28 Julai pula, para pengunjung karnival disajikan dengan reruai perkhidmatan daripada pelbagai jabatan DBKL dan agensi luar yang terlibat secara langsung dalam memberikan perkhidmatan kepada komuniti di Parlimen Wangsa Maju serta seluruh warga Kuala Lumpur.

Karnival yang diadakan selama dua hari itu juga sarat dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Sarapan Pagi Sihat @ WPKL, Jualan Agro MADANI, Jualan KL Street Food, Program Kebun Komuniti dan Jualan Kebun Bandar LA21 serta

Pertandingan Dikir Barat Piala Datuk Bandar Kuala Lumpur 2024. Selain itu, turut diadakan aktiviti sukan seperti *wall climbing*, pertandingan memancing serta banyak lagi.

Bersempena karnival ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa turut melancarkan Kempen Kibar Jalur Gemilang bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 di seluruh kawasan Kuala Lumpur.

"Pihak DBKL akan mengedarkan lebih 40,000 Jalur Gemilang secara percuma kepada penduduk di sekitar ibu negara melalui Kempen Kibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan kemerdekaan. Ia juga adalah sebagai satu galakan dan inisiatif kepada penduduk di Kuala Lumpur untuk mengibarkan 1 Jalur Gemilang bagi setiap rumah.

"Kempen bertemakan Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka itu bertujuan untuk meningkatkan rasa kebersamaan dan mewujudkan rasa bangga dalam setiap jiwa rakyat.

"Kita akan mengeluarkan lebih 40,000 bendera untuk diedarkan kepada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, Majlis Perwakilan Penduduk, persatuan penduduk dan institusi pendidikan di sekitar Kuala Lumpur dan mereka

boleh mengambil kesempatan mengibarkan Jalur Gemilang menuju ke tarikh 31 Ogos ini untuk menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia kali ke-67," katanya ketika ditemui pada Karnival Santai Keluarga 50WP dan Program Temu DBKL @ Wangsa Maju pada Ahad.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Indera Noridah Abdul Rahim dan Ahli Parlimen Wangsa Maju, Ts Zahir Hassan.

Dalam masa sama, Zaliha berkata program di lapangan yang dianjurkan pihak DBKL itu adalah satu inisiatif '*outreach*' yang patut diberikan pujian kerana ia dilihat dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman warga kota mengenai produk serta perkhidmatan yang ditawarkan.

"Program bersama warga kota ini dapat beri ruang untuk penjawat awam bekerja secara produktif dalam menyampaikan perkhidmatan, bukan setakat hanya berkunjung ke pejabat dan sebagainya.

"Ia akan memberi kesan kepada tatakelola yang baik kerana saya faham di mana-mana sahaja pasti ada proses birokrasi yang berlapis-lapis yang mungkin sedikit menyukarkan rakyat untuk berurusan. Perjumpaan agensi dengan penduduk secara terus di lapangan secara tidak langsung dapat memudahkan urusan setiap orang kerana ia terus dilaksanakan.

"Jika ke pejabat dengan ruang lingkup yang terhad akan perlu mengambil proses yang lama. Tapi apabila kita merakyatkan penduduk dengan cara begini, setiap agensi yang turun padang juga dapat memperkenalkan produk mereka kepada setiap orang," ujarnya.

Pelbagai program telah

dirangka DBKL sepanjang Bulan Kebangsaan termasuk kempen dan pertandingan kibar Jalur Gemilang serta pertandingan pencahayaan untuk bangunan-bangunan di sekitar Kuala Lumpur.

Zaliha juga memaklumkan pengedaran Jalur Gemilang itu akan turut diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.

Pada program itu juga, 10 pemenang Passport 50WP yang berjaya melengkapkan cabaran 50 lokasi tempat menarik diumumkan dengan pemenang utama menerima ganjaran wang tunai bernilai RM20,000.

Program berkenaan menerima 7,750 penyertaan dan ia memberi peluang kepada peserta untuk meneroka serta merakamkan gambar di lokasi serta destinasi menarik dan bersejarah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Sementara itu, penganjuran karnival ini turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Pejabat

Khidmat Masyarakat Parlimen Wangsa Maju, agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Seterusnya, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) serta sembilan sekolah menengah di sekitar Wangsa Maju juga turut terlibat bagi menjayakan aktiviti-aktiviti sepanjang karnival ini berlangsung. 📸



AKTIVITI memancing antara pengisian Program Temu DBKL @ Wangsa Maju.



Program Pemantapan Solat dan Klinik Fatihah

YWP PERUNTUK RM29,000

DIANA AMIR

BAGI menjaga kebajikan dan pendidikan warga Wilayah Persekutuan (WP), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) memperuntukkan sejumlah RM29,000 untuk penganjuran Program Pemantapan Solat dan Klinik Fatihah.

Menurut Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, program tersebut bertujuan mengurangkan kesalahan tradisi bacaan Al-Fatihah terutama dalam kalangan orang muda.

"Kem pemantapan solat ini penting bagi memperbetulkan bacaan anak-anak memandangkan ia adalah rukun solat jadi sekiranya terdapat kecacatan atau salah bacaan maka tidak sah solat.

"Ia juga untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bacaan dan amalan yang sempurna dalam solat lima waktu. Itu yang perlu kita beri keutamaan terlebih dahulu sebelum pendedahan mengenai asas yang lain pula," ujar beliau.

Terdahulu, Program Pemantapan Solat dan Klinik Fatihah Peringkat WP Kuala Lumpur diadakan di Masjid ArRahah Bangsar South, Kampung



MAHADI (dua kiri) menyerahkan replika cek sumbangan kepada Hanifat.

Kerinci. Ia merupakan program keempat yang dilaksanakan mengikut daerah pendidikan iaitu Sentul, Keramat, Pudu dan Bangsar. Tambahnya, program tersebut juga ke arah melahirkan kanak-

kanak yang lebih berakhlak dan menjiwai agama Islam yang sebenar seterusnya membentuk peribadi yang baik dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Sementara itu, menurut rakan

strategik selaku penganjur program ini, Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPI) Wilayah Persekutuan, Puan Sri Hanifat Harun berkata program tersebut menerima seramai 624

peserta terdiri daripada murid terpilih tahun 5 dan 6 serta guru-guru pengiring daripada kesemua sekolah rendah di WP Kuala Lumpur.

"Program ini tidak hanya menyasarkan sekolah kebangsaan malah tumpuan juga diberikan kepada pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil kerana di sana juga ada pelajar Muslim yang perlu diberi tunjuk ajar.

"Mudah-mudahan dengan cara kita menunjukkan bahawa Islam itu mudah dapat menarik bangsa lain untuk lebih mengenali agama kita," ujarnya.

Selain YWP, program tersebut merupakan anjuran bersama Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPI) WPKL, Jabatan Pendidikan WP Kuala Lumpur (JPWPKL), Majlis Agama Islam WP (MAIWP) dengan rakan strategik Pergerakan Puteri Islam Malaysia WPKL, Kumpulan Pengajian Al-Quran Mengejar Cinta Illahi (MCI) dan Tenaga Pembimbing Tajwid.

Turut hadir Pengarah Pendidikan JPWPKL, Roslan Abu Hassan; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Datuk Mohd Nizam Yahya dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Rohani Hussin.

Rezeki bakul makanan

SEMPENA meraikan sambutan ulang tahun TV AlHijrah ke-14, sebanyak empat pertubuhan diberikan bakul makanan yang merangkumi keperluan asas bagi menyantuni golongan memerlukan.

Antaranya Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia, PPR Desa Tun Razak, Cheras (Mualaf), Pertubuhan Kebajikan & Pendidikan Al Mahabbah dan Pusat Jagaan Warga Emas Al-Fattah.

Selain itu, tidak terkecuali Kelab Met Harian Metro yang turut menerima sumbangan berupa 30 bakul makanan yang merangkumi barangan asas dan keperluan harian kepada beberapa kategori kakitangan yang layak.

Ketua Kumpulan Integrasi Media & Hal Ehwal Korporat TV AlHijrah, **Saifulizan Sidek** berkata program Hijrah Prihatin Kisah Mereka kali ini lari daripada kebiasaan sambutan ulang tahun stesen itu.

"Selalunya kami yang menerima hadiah atau kek sempena ulang tahun, tapi tahun ini kami ingin berkongsi rezeki kepada golongan yang memerlukan.

"Kami percaya inisiatif seperti ini lebih dekat dengan masyarakat. Kami sudah mengadakan pelbagai program sambutan, jadi kali ini kita cuba lari daripada kebiasaan," katanya.

Dalam masa sama, Saifulizan berkata sepanjang lapan tahun Hijrah Prihatin turun ke lapangan, pihaknya sudah menjelajah ke beberapa lokasi yang kurang mendapat tumpuan seperti pulau dan penempatan terpilih di kawasan pedalaman.



SAIFULIZAN (tengah) beramah mesra dengan penerima sumbangan.

Antara pulau tersebut adalah Pulau Redang, Pulau Aur, Pulau Pangkor, Pulau Tuba dan empat pulau di Semporna, Sabah.

"Hampir 10 pulau kita sudah pergi. Seperti kita tahu, kos kehidupan di pulau tiga kali ganda lebih tinggi dari tanah besar.

"Jadi, kita bantu mereka dengan tujuan meringankan bebanan. Kami turut bekerjasama dengan badan bukan

kerajaan (NGO) dan agensi-agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

"Kalau boleh memang nak bagi semua orang merasa. Sebab itu kita cuba sedaya upaya bantu. Ada kes berkala dan ada kita pantau. Bukan nak menunjuk, tapi kita nak memberi galakan kepada rakan-rakan korporat lain untuk sama-sama menyumbang," katanya.

JOM tawar lebih 1kg emas

PENGGIAT Senireka Barang Kemas (PERSEKA) menganjurkan Program Air Tangan Emas yang juga dikenali sebagai Jewels Of Malaysia (JOM).

JOM dalam kenyataannya berkata program tersebut adalah acara pencarian bakat semula jadi dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Program ini turut menjemput bakat-bakat dari negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Brunei. Menariknya pencarian bakat ini turut mengalu-alukan penyertaan pelajar institut pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) sekali gus bakal melahirkan bakat-bakat muda dengan idea yang segar golongan ini," katanya.

Tambahnya, selain memberikan pengalaman yang cukup berharga kepada para peserta, hadiah yang ditawarkan kepada pemenang juga sangat lumayan.

"Johan bakal membawa pulang satu kilogram (kg) 999 jongkong emas dan kursus pendek dalam bidang

seni reka di University of Arts London manakala tempat kedua pula memenangi 100 gram (g) 999 jongkong emas serta kursus pendek dalam bidang seni reka di University of Arts London.

"Pemenang ketiga pula bakal bawa pulang 100g 999 jongkong emas dan tempat keempat hingga 10 memenangi 10g 999 jongkong emas," ujarnya.

Jelasnya JOM akan bermula pada Ogos di Johor Bharu mewakili Zon Selatan, September di Kuala Terengganu mewakili Zon Timur, Oktober di Pulau Pinang mewakili Zon Utara, November di Sabah dan Sarawak dan akan berakhir pada Disember di Kuala Lumpur.

"Pada peringkat akhir, JOM akan pilih pemenang dari setiap kategori dari lima negeri tersebut untuk dibawa ke Kuala Lumpur untuk diadili pada peringkat akhir.

"Di sinilah mereka akan menghabiskan masa yang diperuntukkan bagi menyiapkan tugas yang telah diberikan," katanya.



Bil 273 . 2-8 OGOS 2024

Bahaya kecanduan **KAFEIN**

>>10-11

NAK SIHAT ATAU KEJAR TREND SEMATA-MATA?

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

PADA masa kini, kopi tidak lagi dianggap sebagai sekadar sejenis minuman untuk menghilangkan haus atau mengelak rasa mengantuk semata. Ia telah perlahan-lahan menjadi sebahagian daripada produk gaya hidup yang diambil secara rutin.

Lihat sahaja lambakan pelbagai jenis kafe atau jenama dari dalam dan luar negara yang terdapat di setiap pelosok negara. Malah jika ada pertemuan sama ada secara santai atau profesional, di situlah kopi bakal menjadi pilihan dan memangkin untuk pembuka selera.

Kalau anda sekadar minum kopi untuk mengejar trend, ketahuilah bahawa kopi yang manis dan mengandungi pelbagai bahan tambahan lebih banyak membawa mudarat berbanding kebaikan.

Pengambilan kopi bagi sesetengah orang itu bertujuan untuk menghilangkan rasa mengantuk jika bekerja pada waktu malam manakala bagi yang bekerja di sebelah pagi kopi dapat mencergaskan mereka. Akan tetapi meminum kopi secara berlebihan akan memudaratkan penggemarnya kerana kandungan kafein di dalamnya sangat tinggi.

Menurut Doktor Pakar Perubatan Swasta, **Dr Ahmad Samhan Awang**, pengambilan kopi dalam menu sajian harian perlu diambil pada kadar sederhana dengan bilangan kurang daripada enam cawan sehari.

"Kopi adalah minuman harian masyarakat kita di Malaysia. Terdapat pelbagai jenis kopi di pasaran seperti kopi segera, kopi campuran, kopi O, kopi susu, kopi 3 dalam 1, kopi dengan pelbagai jenis herba dan sebagainya. Dengan pelbagai jenis kopi ini, ia menjadikan masyarakat lebih keliru lagi tentang kopi yang mana satu baik dan buruk untuk kesihatan.

"Tidak dinafikan, kopi mempunyai pelbagai manfaat untuk kesihatan. Walau bagaimanapun,

FAKTA KAFEIN



- Juga dipanggil 1, 3, 7-trimethylxanthine
- Badan ambil kira-kira 45 minit untuk serap & 15 minit - 2 jam untuk rasai kesannya
- Ada dalam kopi, teh & soda. Memberi rangsangan kepada otak
- Kerap ambil kafein boleh akibatkan 'toleransi kafein'. Ini menyebabkan kesan rangsangan kurang melainkan kita tambah pengambilannya

- Menghentikan pengambilan kafein secara tiba-tiba boleh cetuskan simptom penarikan (withdrawal) seperti:
 - Mudah marah
 - Sakit kepala
 - Agitasi
 - Mood kemurungan
 - Keletihan
- Gejala sangat terasa dalam beberapa hari selepas berhenti, tetapi reda selepas kira-kira seminggu

SUMBER Buah, daun & kacang:



Kopi



Koko



Guarana

kenyataan ini hanya benar sekiranya anda minum kopi O dan bukannya kopi susu yang dicampur gula atau susu pekat," ujar beliau.

Samhan berkata kopi O tanpa gula dengan jumlah yang sederhana adalah baik untuk kesihatan.

"Kopi O dengan gula yang sedikit sekadar satu sudu masih boleh dikira sihat. Tetapi kopi O yang diambil dengan pemanis gantian lain seperti stevia atau sukralosa tanpa kalori adalah lebih baik.

"Walaupun bagaimanapun, kopi yang dicampur dengan krimer tidak sihat kerana krimer mengandungi asid lemak trans yang tidak baik untuk kesihatan dan boleh menjadi punca masalah pengerasan saluran darah serta masalah penyakit jantung," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata kopi mengandungi bahan perangsang (stimulant) iaitu kafein yang membantu menambahkan rasa cergas dan segar apabila diminum.

"Teh dan koko juga mengandungi kafein tetapi dalam jumlah yang lebih rendah. Secawan kopi mengandungi 95mg kafein.

Menurut United States Department of Agriculture (USDA) dan European Food Safety Authority (EFSA), jumlah pengambilan kafein yang lebih selamat dalam sehari adalah tidak melebihi 400mg sehari

iaitu lebih kurang dua ke empat cawan kopi sahaja sehari," ujarnya.

Samhan berkata kopi boleh menyebabkan ketagihan bagi sesetengah orang dan kebiasaannya orang yang ketagih kopi akan mengambil kopi secara berlebih-lebihan dalam masa satu hari.

"Pengambilan yang berlebihan akan menyebabkan tangan menggigil, mengalami keresahan, masalah gastrik, pedih ulu hati, penghadaman terganggu dan mengganggu keseimbangan bakteria baik dalam usus, degupan jantung yang tidak menentu serta susah untuk tidur selain boleh menyebabkan kemurungan dan kerisauan yang melampau.

"Sekiranya selepas minum kopi, anda mula sakit perut yang memulas, ia mungkin disebabkan berlakunya gangguan pada proses pencernaan. Kopi boleh menjadi punca kepada refluks gastroesofageal. Jadi anda kena kurangkan minum kopi buat sementara waktu.

"Individu yang terlalu banyak minum kopi didapati akan mudah berasa cemas. Jika mula rasa jantung semakin pantas berdegup, itu petanda besar bahawa anda perlu kurangkan minum kopi. Kandungan kafein mencetuskan denyutan jantung yang pantas lalu boleh menyebabkan anda berasa sakit kepala.

"Seterusnya, wanita yang mengandung dinasihatkan hanya mengambil kafein tidak melebihi 200mg sehari. Pengambilan kopi secara berlebihan boleh menyebabkan keguguran atau anak yang dikandung mempunyai berat yang tidak mencukupi.

"Kesan kopi yang berlebihan juga akan menghilangkan khasiatnya

yang baik seperti meningkatkan stres, meningkatkan kadar keradangan saluran darah secara tidak langsung meningkatkan risiko penyakit jantung. Ia juga meningkatkan rintangan insulin darah iaitu menyebabkan masalah diabetes.

"Kajian juga mendapati bahawa kafein dapat meningkatkan tekanan darah seseorang. Walaupun kenaikan sementara ini tidak disedari, ia mungkin mempunyai kesan buruk apabila mengambil kira kenaikan ini berlaku agak kerap. Jika pengambilan melebihi 1,200mg kafein, ia boleh membawa

kepada kesan sampingan yang lebih teruk seperti sawan atau kematian," tambahnya.

AWASI KAFEIN

TIDAK dinafikan pengambilan kafein sememangnya dapat menenangkan minda, melegakan keletihan serta meningkatkan ingatan anda. Namun, minum kopi adalah baik jika diamalkan secara teratur dan tidak berlebihan.

Samhan berkata pelbagai kajian telah membuktikan bahawa kafein sangat bermanfaat untuk fungsi mental.

KANDUNGAN KAFEIN



1 cawan / 8oz kopi

Dibancuh: Kira-kira 95mg
Segera: Kira-kira 60mg
Nyahkafein: Kira-kira 4mg



1oz coklat

Coklat gelap: Kira-kira 24mg
Coklat susu: Kira-kira 6mg



1 shot / 1.5oz espresso

Kira-kira 65mg



1 cawan / 8oz minuman tenaga

Kira-kira 85mg



1 cawan teh

Teh hitam: Kira-kira 47mg
Teh hijau: Kira-kira 28mg
Teh tanpa kafein: Kira-kira 2mg
Teh herba: 0mg



2oz shot minuman tenaga

Kira-kira 200mg



12oz tin cola

Tetap/diet: Kira-kira 40mg



Suplemen kafein

Kira-kira 200mg setiap tablet/sama dengan dua cawan kopi dibancuh





Biar papa asal bergaya

TREND menikmati kopi berjenama bukanlah perkara baharu. Malah segelintir anak muda hari ini dilihat lebih cenderung memilih kopi untuk memenuhi trend semata-mata.

Memulakan rutin harian dengan secangkir kopi sambil memuat naik gambar atau video di laman sosial dilihat sebagai aktiviti 'wajib' bagi mereka.

Maka tidak hairanlah mereka sanggup membelanjakan duit kerana enggan ketinggalan menuruti trend tersebut sekali gus ramai yang hidup dalam keadaan biar papa asal bergaya.

Menurut Pensyarah di Jabatan Antropologi & Sosiologi di Fakulti Sastera & Sains Sosial Universiti Malaya (UM), **Profesor Madya Dr Rosila Bee Mohd Hussain**, seiring dengan hal itu, banyak kedai kopi hipster yang wujud dan menjadi port berkumpul anak muda sekarang.

"Selain lepak dan minum, mereka akan mengambil gambar sambil memegang kopi dan sebagainya.



ROSILA

Di situ kita boleh lihat bahawa untuk minum kopi masa kini mereka bukan sahaja perlu berhabis duit malah perlu keluarkan wang untuk membeli pakaian yang cantik bagi sesi *Outfit Of The Day* (OOTD) mereka.

"la menjadi semakin teruk apabila mereka tidak mengukur baju di badan sendiri dan sanggup berhabis beribu ringgit untuk merasa tidak ketinggalan," katanya.

Rosila berkata minum kopi bukanlah satu trend yang baharu kerana biji kopi telah diperkenalkan sejak tahun 1779 di Malaysia.

"Kalau kita lihat orang zaman dahulu pun minum kopi cuma bezanya pada zaman kini terdapat lebih banyak variasi bagi menu kopi itu sendiri.

"Dahulu kita hanya ada kopi kampung tapi sekarang ada banyak penambahan seperti *whipped cream*, *syrup* dan lain-lain membuatkan rasa kopi itu juga berbeza tapi itu adalah cita rasa kini yang diterima masyarakat," ujarnya.

Tambahnya trend tersebut adalah situasi yang akan berubah setiap masa dan apa-apa sahaja perkara yang menjadi ikutan ramai pasti mempunyai kebaikan dan keburukan tersendiri.

"Setiap individu ini berbeza tahap toleransi mereka terhadap kafein. Ada yang ketagih di mana satu hari tanpa kopi boleh buat mereka gelisah dan ada juga yang baru seteguk sahaja sudah rasa pening, loya dan sebagainya.

"Kenali diri terlebih dahulu dan ia bukan sahaja tertakluk untuk kesihatan malah dari segi kewangan juga. Tidak perlu berhabis terlalu banyak kerana ia hanya kepuasan sementara dan duit tersebut perlu digunakan untuk perkara yang lebih bermanfaat.

"Nasihat saya buat penggemar setia kopi, beli mesin kopi sendiri kerana ia jauh lebih baik berbanding membelinya di kedai setiap hari. Selain itu, jadilah penggemar kopi yang memilih jenama berkualiti sebagai contoh biji kopi organik yang biasanya mempunyai jumlah racun perosak sintetik yang jauh lebih rendah," jelasnya.

"Satu dos minuman berkafein meningkatkan memori jangka pendek dan meningkatkan kelajuan reaksi anda. Dalam masa sama, kajian menunjukkan penggunaan kafein dapat membantu mencegah banyak keadaan kesihatan seperti diabetes jenis 2, penyakit Parkinson dan penyakit hati.

"Bagi penggemar kopi, minuman ini mampu meredakan rasa tekanan mereka. Namun dalam satu kajian yang dijalankan oleh Universiti Johns Hopkins mendapati individu yang minum lebih lima cawan kopi akan berdepan dengan sakit kepala.

"Anda harus bertanya kepada diri sendiri sama ada kafein membuat anda berasa gelisah, cemas atau keletihan. Bagaimanakah corak tidur anda akhir-akhir ini? Bagaimana dengan keadaan kesihatan anda? Adakah anda bergantung kepada kafein?," ujarnya.

Beliau berkata apabila ia melibatkan kafein, kesederhanaan adalah perkara terbaik yang boleh anda lakukan.

"Jika anda perlu mengambil empat hingga lima cawan kopi hanya untuk melewati hari anda dan masih berasa sia-sia, mungkin sudah tiba masanya untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan. Jika anda juga mengalami tanda-tanda penuaan yang mengerikan ketika cuba berhenti daripada mengambil kafein, pasti ada masalah yang perlu diperhatikan.

"Kopi adalah seperti sejenis minuman rangsangan yang baik jika diambil mengikut dos yang sesuai secara sederhana dan tidak melampau. Jika dos ini diambil berlebihan maka kopi akan menyebabkan pelbagai kesan kesihatan yang tidak baik untuk jangka masa panjang.

"Oleh itu, bagi penggemar kopi anda perlu bersederhana dalam pengambilan kopi dan janganlah mencampurkannya dengan bahan-bahan yang berisiko tinggi untuk kesihatan seperti gula dan krimer.

"Mungkin ada yang tidak perasan kita ini peminum tegar minuman berkafein. Rasanya kalau sehari tak ambil, memang rasa serba tak kena. Ini belum lagi peminum tegar yang setiap beberapa jam akan ambil minuman kafein tak kiralah kopi, nescafe, teh dan sebagainya. Tak salah pun nak minum tapi kenalah berpada-pada. Bimbangnye ia boleh mendatangkan masalah kesihatan tanpa kita sedari," ujarnya.

5 LANGKAH KURANGKAN KESAN NEGATIF KOPI

-  **1 Minum air kosong**
-  **2 Lakukan pergerakan fizikal**
-  **3 Makan makanan yang banyak fiber**
-  **4 Ambil bersama herba**
-  **5 Perbaiki cara bernafas**



Apa sahaja demi kopi

BAGI sesetengah individu, segelas kopi bukan sekadar rasa pahit tetapi lebih daripada itu memandangkan setiap biji kopi itu memberi pengalaman yang berbeza dan memberi kepuasan.

Penggemar kopi, **Syazwani Zulkapli**, 35, berkata pada mulanya dia menikmati kopi untuk mendapatkan tenaga namun apabila ada yang berkongsi tentang biji kopi serta 'tastenotes'nya menjadikannya lebih teruja.

"Bagi penggemar yang betul-betul mengamati rasa kopi itu akan rasa *fruity*, *nutty*, *spice* daripada biji kopi yang digunakan. Jangan terkejut ada kopi yang ada *aftertaste* durian atau serai. Itu baru pasal *tastenote*.

"Banyak sangat pengalaman atau pengetahuan pasal kopi ini yang buat kita rasa, kita nak tahu lebih mengenainya



SYAZWANI

dan bukan sekadar minum sahaja," ujarnya.

Berkongsi lanjut, Syazwani yang merupakan seorang kerani berkata setiap bulan dia akan menghabiskan kira-kira RM300 hanya untuk pembelian kopi sahaja.

Berlainan pula dengan Amirah Azmi, 29, yang mengakui dia seorang yang sangat sensitif terhadap kafein.

"Meskipun ia tidak mengancam nyawa namun apabila saya minum kopi, akan membuatkan jantung saya berdebar-debar, sakit kepala, serangan panik dan juga perubahan emosi seperti kemarahan atau kemurungan.

"Oleh kerana itu, saya akan elak untuk ambil minuman tersebut walaupun ia menjadi kegemaran ramai serta dikatakan mampu memberi tenaga," ujarnya.



HARI SEMA



ANTARA babak yang menyentuh hati pada persembahan pentomin bertajuk "Ops Sub"

PAHLAWAN SEMAI NGAT PATRIOTIK

UNIT FOTO

PUPUKLAH semangat jiwa merdeka sebagai usaha untuk meningkatkan rasa cinta dan kebanggaan terhadap negara serta menghargai nilai kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh generasi terdahulu.

Dalam kepelbagaian agama, budaya, adat dan bangsa Malaysia, ianya penting untuk memastikan generasi masa kini dan akan datang dapat mendalami, memahami, menghargai dan meneruskan usaha mengekalkan kemerdekaan dan keharmonian dalam negara.

Semai semangat merdeka dalam jiwa dengan mengibarkan Jalur Gemilang memerlukan usaha berterusan dari semua lapisan masyarakat. Dengan menghayati nilai kemerdekaan dan menjadikan ia sebahagian daripada kehidupan seharian, kita dapat memastikan bahawa semangat ini terus kekal dan berkembang dalam jiwa setiap rakyat Malaysia.

Menyihat seruan kerajaan dengan Kempen "1 Rumah 1 Bendera" adalah satu inisiatif yang bertujuan untuk memupuk semangat patriotik di kalangan rakyat Malaysia sempena Hari Kemerdekaan.

Kempen ini menggalakkan setiap keluarga untuk mengibarkan Jalur Gemilang di rumah masing-masing sebagai tanda sokongan dan rasa bangga terhadap negara.

Dengan mengamalkan kempen "1 Rumah 1 Bendera", kita dapat memperkukuh semangat perpaduan dan cinta akan tanah air dalam kalangan rakyat Malaysia, menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan setiap tahun.

Merdeka!



PERSEMBAHAN pentomin Ops Subuh melibatkan insiden pertempuran antara pasukan keselamatan negara dengan sekumpulan individu yang menggelarkan diri mereka Al-Maunah.

LIDAH TAJAM MENGHIRIS

MALAYSIA sering kali digambarkan dengan masyarakat yang berbilang kaum dan harmoni serta kaya dengan pelbagai adab, adat dan budaya. Namun begitu, dalam kalangan masyarakat hari ini masih wujud gejala membuli dan ini sangat merisaukan kerana ia boleh menjadi satu norma masyarakat kita hari ini.

Gejala buli ini bukan sahaja berlaku dalam institusi pendidikan, di tempat kerja atau dalam kalangan ahli keluarga sahaja, tetapi ia boleh berlaku dan dilihat semakin meruncing di alam maya atau siber.

Hari ini mangsa buli bukan sahaja dilihat melalui kecederaan fizikal semata-mata, tetapi kecederaan mental dan emosi terhadap mangsa semakin membimbangkan kerana pembuli hari ini turut menggunakan lidah serta tangan mereka untuk berkata-kata.

Sering kali dipaparkan di media massa dan juga di dada-dada akhbar, ada mangsa yang dibuli sehingga membawa kepada kecederaan serius, dan yang lebih membimbangkan adalah buli siber turut mengakibatkan kehilangan nyawa.


Tidak dinafikan, mangsa buli sudah pasti akan berhadapan dengan tekanan emosi yang kritikal kerana yang dilemparkan kepada mereka.

Melihat kepada ragam pembuli siber hari ini, mereka menjadikan tangan-tangan mereka sebagai lidah untuk mereka berkata-kata di alam maya. Benarlah, lidah ini satu nikmat yang Allah SWT berikan kepada manusia, sifatnya lembut tidak bertulang, tetapi tajam ibarat pedang sehingga boleh membunuh dan melukakan hati insan yang mendengarnya. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Al-Tirmizi, Rasulullah SAW pernah ditanyakan sebab kebanyakan orang dimasukkan ke dalam syurga. Baginda menjawab: "Bertakwa kepada Allah dan baik akhlakunya." Lalu baginda ditanyakan lagi sebab kebanyakan manusia dimasukkan ke dalam neraka? Baginda menjawab: "Mulut dan kemaluan".

Allah SWT juga ada berfirman dalam surah Al-Hujurat, ayat 11 yang mana ayat ini Allah memberikan peringatan kepada lelaki dan perempuan mengenai larangan untuk melakukan perbuatan mencemuh, memerli, menghina serta memberikan gelaran yang buruk kepada orang lain.

Di sini jelas kita tidak boleh menghina orang atau melontarkan perkataan yang tidak baik serta memberikan gelaran yang buruk kepada seseorang sama ada di hadapan atau di belakangnya kerana Allah berfirman pada akhir ayat surah ini iaitu orang beriman itu bersaudara dan janganlah pula kita merosakkan atau memutuskan persaudaraan itu.

Jika kita lihat, perbuatan menghina, mencaci yang dilakukan



oleh pembuli siber ini bukan sahaja dilarang oleh agama Islam semata-mata, tetapi agama-agama lain juga turut melarang para penganutnya untuk melakukan perbuatan yang boleh menyakiti individu yang lain.

Seorang pakar ilmu agama pernah menyebut, "Saya tidak takut dengan *keyboard warriors*, tetapi saya takut dengan *keyboard sinners*." Jadi para *keyboard warriors* di luar sana anda yang mana satu? Buat pilihan yang bijak kerana setiap perbuatan anda akan dipersoalkan kelak.

KONSEP 3R

PEMBULI siber mungkin sedar atau tidak sedar bahawa perbuatan buli ini meninggalkan parut kepada mangsanya. Mangsa buli kebiasaannya akan berhadapan dengan kecederaan emosi yang teruk, isu berkaitan psikologi, trauma dan sebagainya. Jadi dikongsikan di sini konsep 3R yang boleh diaplikasi oleh mangsa buli bagi memastikan mereka tenang dan sedar tentang emosi yang mereka alami.

Retract, iaitu berundur seketika daripada perbuatan yang kita lakukan. Contohnya, jika waktu itu mangsa buli siber berada dalam situasi yang tegang, berundur

seketika dapat memberikan ruang masa pada diri agar dapat bertenang. Berundur di sini bermaksud cuba ambil masa untuk tenang diri dari sudut pemikiran dan emosi sambil mengamalkan teknik pernafasan yang betul. Teknik pernafasan boleh dilaksanakan dengan menarik, menahan, menghembus dan seterusnya menahan nafas dan setiap peringkat ini dilaksanakan dalam tempoh empat sana. Perhatikan bahawa, teknik pernafasan yang tepat ini akan memberikan anda kelegaan pada badan, pemikiran dan membantu anda untuk kekal fokus.

Rethink, fikirkan adakah perkataan yang disebutkan atau penulisan orang lain sebenarnya dapat memberikan kesan pada diri? Ketahuilah tiada siapa pun yang dapat membuat apa-apa pun pada anda sekiranya anda tidak membenarkan ia berlaku. Sebagai contoh, sekiranya anda diejek atau dicemuh, ambil masa untuk tenang diri dan anda akan menjadi lebih jelas dan rasional dalam setiap pemikiran yang wujud dalam diri. Anda lebih faham bahawa orang yang membuli itu sebenarnya mempunyai isu dengan diri mereka dan menzahirkan dengan cara penulisan atau

percakapan mereka terhadap orang lain. Jadi, ambillah masa yang lebih lama sekiranya anda perlu bertenang dan berfikir secara rasional.

Respons iaitu kita memberikan tindak balik yang positif serta bersesuaian mengikut situasi dan keadaan yang berlaku. Sekurangnya kita dapat mengelakkan diri daripada bertingkah laku mengikut kehendak emosi, perasaan dan pemikiran yang negatif. Sekiranya anda berasa sedih atau marah, tidak salah untuk anda validasi perasaan tersebut dan bangkit semula untuk menjadi lebih *resilient* dalam mendepani sebarang masalah.

Jadi pesanan buat semua berhati-hati dalam melontarkan kata-kata, jangan kerana lidah badan binasa dan jangan kerana mulut membuatkan orang lain terasa. Fikirkan terlebih dahulu sebelum mula bicara atau bertingkah laku dan jangan jadikan perbuatan buli ini sebagai satu norma kepada masyarakat hari ini, kerana setiap perbuatan yang kita lakukan sekarang akan membentuk generasi negara pada masa akan datang.

Buat masyarakat semua kita perlu mengambil cakna dengan keadaan orang sekeliling kita,

mungkin ada dalam kalangan keluarga, jiran tetangga atau rakan-rakan terdekat kita yang menjadi mangsa buli ini.

Berikan bantuan, laporkan kepada pihak berkuasa, atau bawa mereka dapatkan bantuan daripada ahli profesional supaya mereka mendapat kesejahteraan dari segi fizikal, emosi dan juga mental. Jangan berdiam diri sahaja, kerana anda mangsa dan anda berhak mendapatkan keadilan.

REKRUT SUKARELAWAN MIV

SURUHANJAYA Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui inisiatif Sukarelawan ICT Malaysia atau Malaysia ICT Volunteer (MIV) merekrut dan melatih 11,335 sukarelawan sejak diperkenalkan pada tahun 2016. Tahun ini, MCMC menyasarkan untuk merekrut 1,500 sukarelawan di seluruh negara.

Bagi memastikan maklumat diterima kepada semua lapisan masyarakat mencakupi penduduk di luar bandar, para sukarelawan MIV terdiri daripada guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan ahli komuniti setempat.

Selain memperkasakan komuniti dengan kemahiran literasi digital, sukarelawan MIV turut menyokong pelaksanaan inisiatif keselamatan dalam talian MCMC iaitu Klik Dengan Bijak (KDB) dengan meningkatkan kesedaran serta memberi pendidikan tentang penggunaan Internet yang positif, produktif dan bertanggungjawab.

Antara topik KDB yang dikongsi kepada komuniti termasuklah buli siber, jenayah penipuan dalam talian serta perlindungan kanak-kanak dalam talian. Inisiatif ini mendidik pengguna Internet khususnya dalam kalangan pelajar untuk melindungi diri daripada menjadi mangsa.

Sesi perkongsian KDB turut melibatkan para guru dan ibu bapa supaya mereka dapat menyampaikan mesej keselamatan kepada kanak-kanak termasuk golongan kurang upaya dan mereka yang berisiko terdedah kepada ancaman dalam talian.

Pelaksanaan MIV ini memperlihatkan kerjasama MCMC dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Kesihatan Malaysia. Inisiatif MIV turut diperluaskan di komuniti yang mempunyai Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI).

PENULIS Profesor Madya Dr Azmawaty merupakan Timbalan Dekan (Program Ijazah Dasar), Fakulti Pendidikan dan anggota Lembaga Kaunselor Malaysia manakala Nur Nadhirah, Kaunselor Pelatih, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.



**JANGAN SEBAR VIDEO YANG MENGANDUNGI PERKARA MENYAKITI
HATI, MENGGANGGU DAN MENGANCAM ORANG LAIN**

Penghantaran komunikasi yang mempunyai ciri-ciri tersebut adalah satu perbuatan yang dilarang di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998)

Minta anak-anak teruskan legasi Pak Ngah Production

PESANAN TERAKHIR PAK NGAH

DEEL ANJER

KOMPOSER terkenal yang diberi jolokan Bapa Irama Tradisional Malaysia, Allahyarham Datuk Pak Ngah meninggalkan warisan yang amat berharga buat anak-anaknya.

Pak Ngah atau nama sebenarnya Suhaimi Mohd Zin yang meninggal dunia pada tahun 2018 telah menubuhkan Pak Ngah Production pada tahun 1995, mewariskan perniagaan tersebut kepada dua anaknya iaitu Siti Syafrina, 38, dan Megat Mohd Syahraini, 37.

Pak Ngah Production yang terletak di Setapak, Kuala Lumpur, menjalankan perniagaan sewaan studio rakaman, baju tradisional dan khidmat penari iaitu Swatari.

Menurut Megat yang mula membantu arwah ayahnya di syarikat tersebut selepas tamat sekolah menengah, dia mengakui bertanggungjawab untuk meneruskan legasi arwah bapanya.

"Sebelum ini studio kami di Cheras, Kuala Lumpur. Sejak tahun 2018 kami beroperasi di tempat baru di Setapak, Kuala Lumpur.

"Dulu studio kami tidak disewakan kerana ia tempat khas untuk Pak Ngah menyiapkan kerjanya dengan memberi fokus kepada karya-karyanya. Bukan sahaja lagu-lagu tradisionalnya tetapi juga lagu korporat dan lagu tarian.

"Namun apabila arwah dah tak ada, saya bincang dengan Mama yang masih ada ketika itu dan keluarga untuk sewakan studio kepada mereka yang mahu buat rakaman atau jalankan apa-apa

program seperti *podcast*.

"Studio kami agak istimewa sebab ia seperti rumah, kami panggil *home studio*. Arwah Abah memang suka konsep macam tu. Sangat selesa dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan serta peralatan.

"Antara artis yang pernah menyewa atau menggunakan khidmat studio kami ini antaranya ialah Datuk Seri Siti Nurhaliza, Mas Idayu, Dayang Nurfaizah dan ramai lagi.

"Untuk rakaman, kami ada *sound engineer* dan *music arranger* sendiri yang terbaik. Bagi mereka yang mahu menyewa studio untuk *podcast*, hanya RM100 sejam," katanya.

Bagi Siti Syafrina atau Rina pula, dia bertanggungjawab meneruskan perniagaan penyewaan kostum tradisional dan kelas tarian yang diasaskan oleh Mak Ngah.

"Alhamdulillah. Sewaan kostum pula tidak pernah terhenti. Ramai yang suka menyewa kostum dengan kami. Maka tercapailah hasrat arwah Pak Ngah mahu ramai orang pakai pakaian tradisional.

"Disebabkan itulah kami tak letak harga mahal supaya semua orang boleh pakai dalam acara kesenian, makan malam, program

pelancongan dan banyak lagi. Biasanya, bulan kemerdekaan adalah masa sewaan kostum paling laris.

"Dalam masa yang sama, kami tawarkan harga yang sangat murah iaitu RM80 untuk dewasa dan RM50 untuk kanak-kakak. Harga sewaan itu termasuk aksesori," katanya.

Rina juga berkata sudah lebih 10,000 pasang pakaian tradisional yang pernah dihasilkan oleh Pak Ngah Production sejak ia ditubuhkan.

"Koleksi baju memang banyak kerana Swatari terlibat dalam pelbagai acara antaranya Citrawarna Malaysia, aktiviti kesenian dan banyak lagi.

"Sekarang untuk sewa sahaja, kami ada hampir 200 pasang baju," ujarnya.

Bukan hanya itu, khidmat kumpulan penari terkenal Swatari sentiasa mendapat tempahan untuk pelbagai majlis.

"Syukur, Swatari mendapat kepercayaan banyak pihak. Ini kerana penari-penari kami terlatih. Dalam masa yang sama, saya masih mengajar kelas tarian asas dan lanjutan. Untuk kelas asas terbuka kepada semua orang awam termasuk kanak-kanak berumur enam tahun ke atas.

"Untuk pendaftaran hanya RM30 dan yuran bulanan pula serendah RM70. Bagi kelas lanjutan pula, ia tidak terbuka kepada orang awam tetapi hanya untuk mereka yang mempunyai sijil kelas asas tarian Swatari. Maknanya, selepas lulus kelas asas, barulah ada peluang belajar di kelas lanjutan," jelasnya.



BAWA NAMA SWATARI

RINA dan Megat tidak pernah melupakan pesanan terakhir arwah Pak Ngah dan Mak Ngah yang mahukan anak-anak meneruskan Pak Ngah Production.

Rina menyifatkan ilmu-ilmu yang dipelajari daripada arwah bapa dan ibu tidak akan disia-siakan.

"Arwah pernah cakap dengan saya, kena belajar dan ambil tahu apa yang dia dah usahakan. Abah selalu panggil kami apabila ada acara. Dia akan tunjuk satu persatu konsep atau apa yang perlu saya buat.

"Saya juga banyak habiskan masa bersama Mama kerana kami mengajar menari. Sejak tingkatan satu saya bersama Swatari.

"Cuma apa yang membuatkan saya sedih adalah apabila mama dah tak ada, saya rasa sukar untuk meneruskan kelas tarian ini tanpa dia. Saya nak kena *struggle* sikit apabila mama sudah tiada.

"Mama selalu ingatkan saya,

'Swatari ni baby mama'. Saya akan terus berusaha untuk berikan yang terbaik. Saya sedang mencuba untuk bina keyakinan untuk membawa nama Swatari.

"Kami bersyukur apabila disokong oleh ahli keluarga yang banyak membantu. Setiap hari mereka datang bantu kami tanpa mengira waktu dan penat lelah," ujarnya.

Allahyarham Pak Ngah menerima penghargaan Khusus Maestro Musik Melayu pada Anugerah Dangdut Indonesia 2018 yang berlangsung di Jakarta pada tahun 2018.

Pengiktirafan itu diberikan penganjur iaitu stesen televisyen Indosiar atas sumbangan dan jasa Pak Ngah dalam mengembangkan muzik irama Malaysia dan Melayu di sana.

Antara lagu popular ciptaan Pak Ngah ialah Cindai, Nirmala, Ya Maulai dan Balqis nyanyian penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza.



BERAPA GAJI CUKUP DI KUALA LUMPUR?



KU SEMAN KU HUSSAIN

SESEKALI apabila pulang ke kampung, ada kawan-kawan yang menetap di sana bertanya tentang Kuala Lumpur. Mereka mahu mendapatkan gambaran daripada saya yang telah 'berkampung' sejak 40 tahun lalu di ibu kota. Sebelum itu mereka hanya tahu Kuala Lumpur sebagai tempat untuk 'orang kaya dan ternama.'

Dalam banyak pertanyaan itu yang paling sukar untuk dijawab adalah, "Berapakah gaji yang cukup untuk hidup di Kuala Lumpur?" Sebabnya Kuala Lumpur dikenali dengan kehidupan yang moden dan didiami pula oleh golongan yang kaya. Bukan setakat kaya, tetapi 'kaya gila.' Maksudnya memiliki kekayaan yang tidak terbayang dek akal orang kecil seperti saya.

Kawan-kawan tahu saya bukan bergaji besar semasa memulakan langkah di Kuala Lumpur kerana tidak mempunyai pendidikan akademik yang tinggi. Malah hingga kini hidup saya sangat sederhana. Tentulah mereka hendak tahu sesuatu yang membolehkan saya terus hidup di Kuala Lumpur hingga kini.

Di luar pengetahuan mereka Kuala Lumpur bukan penuh dengan orang kaya. Yang 'kaya gila' memang banyak dan yang 'gila kaya' pun tidak kurangnya, tunjuk segala harta yang ada. Bagaimanapun hakikatnya kalau dibaling sebiji batu, banyak yang terkena golongan yang terpaksa kais pagi namun belum pasti cukup untuk makan pagi.



PENGHIJRAHAN perantau ke Kuala Lumpur demi membina kehidupan lebih terjamin.

Adakah hanya yang mempunyai pendapatan RM30,000 ke atas sahaja yang boleh hidup di Kuala Lumpur? Kalau dikatakan 'ya' tentulah menimbulkan pertanyaan lain tentang golongan yang berpendapatan jauh lebih rendah misalnya sekitar RM2,500, RM3,500 atau RM5,000 sebulan.

Dengan belanja sara hidup yang tinggi di Kuala Lumpur, cukupkah dengan pendapatan sebanyak itu? Belanja sara hidup memang tinggi, bukan sahaja sekarang tetapi sejak dulu lagi. Bayangkan 40 tahun lalu

gaji untuk pemegang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hanya sekitar RM325 hingga RM450 sahaja.

Kadar sewa rumah di Kuala Lumpur mencapai RM200 hingga RM300. Bayangkan berapa banyak pendapatan yang mengelusur pada belanja sewa rumah sahaja. Bagaimanapun mereka yang sezaman dengan saya boleh hidup dengan belanja sara hidup yang setinggi itu, kecuali tambang bas mini hanya 50 sen. Ada RM1 sudah boleh pergi dan balik dari tempat kerja.

Menurut laporan, negara ini yang terendah dalam penggajian. Sebahagian besar majikan di negara ini hanya memperuntukkan sekitar 25 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk membayar gaji. Angka ini yang terendah berbanding negara di sebelah sini, Singapura (40 peratus), Indonesia (84 peratus) dan Filipina (76 peratus).

Hakikatnya kini banyak juga warga Kuala Lumpur yang hanya berpendapatan sekitar RM3,000. Bagaimanakah dengan perancangan kewangan dan kehidupan mereka? Adakah kehidupan mereka selesai?

Maka semua pertanyaan untuk mengukur keperluan kewangan sebuah kehidupan Kuala Lumpur adalah sukar dijawab malah subjektif pula sifatnya. Sekalipun begitu suatu yang boleh dinafikan adalah kehidupan di Kuala Lumpur adalah suatu yang sangat keras dan mencabar. Tekanan fizikal dan emosi ada di mana-mana.

Malah amat menguji ketahanan terutama yang berpendapatan kecil untuk disesuaikan dengan belanja keperluan asas iaitu kediaman, pengangkutan, makanan, persekolahan anak-anak dan belanja penjagaan anak. Kesemua yang disenaraikan itu tidak boleh mungkir, mesti dipenuhi.

MENGADU NASIB DI KOTA BESAR

BELANJA kediaman, sama ada menyewa atau membeli secara ansuran pada relatifnya tetap tinggi. Nilai kediaman paling rendah pun melepasi garis RM300,000. Maknanya ansuran bulanan lebih RM1,000. Kalau menyewa juga lebih kurang sama sekitar RM1,200 dan ke atas.

Kenderaan juga satu keperluan dan tidak semua memiliki kereta untuk bergaya. Tanpa kenderaan, semua yang berkaitan dengan kehidupan pasti terjejas. Paling kurang pun ansuran kereta RM500 sebulan. Sebab itulah banyak yang memilih menunggang motosikal ke tempat kerja biarlah berhujan dan berpanas asalkan ada lebihan pada hujung bulan.

Suatu yang sangat menekan sesetengah dalam kalangan yang baru memulakan kehidupan berkeluarga adalah belanja penjagaan anak yang tinggi. Setiap seorang anak memerlukan RM300 atau lebih untuk belanja penjagaan di rumah pengasuh.

Maka apabila membuat keputusan untuk mengadu nasib di kota besar seperti Kuala Lumpur,

perkara pertama adalah bersedia berdepan dengan cabaran-cabaran yang tidak ada kalau terus hidup di kampung.

Kemewahan di Kuala Lumpur sebenarnya tidak boleh dinikmati oleh semua orang. Cahaya gemerlapan itu bagi golongan tertentu adalah terlalu jauh dan sukar untuk digapai dalam realiti. Memang gemerlapan Kuala Lumpur sangat memukau, tetapi tidak semua dapat memiliki sekali gus berada di dalamnya.

Kuala Lumpur itu ibarat lautan, yang tidak mampu menggerak kaki dan tangan akan tenggelam. Inilah perjuangan hidup yang tidak pernah ada penamatnya. Siapa lambat akan tertinggal dan terus ketinggalan kerana tidak ada siapa yang peduli akan kehidupan orang lain yang lemah.

Pada dekad 1980-an ketika saya menjejak kaki ke Kuala Lumpur, banyak kawan sebaya dalam lingkungan usia 20-an adalah pendatang dari kampung dan pedalaman. Mereka bukan dari Lembah Kelang, tetapi di negeri-negeri yang jauh daripada tempias gemerlapan Kuala Lumpur.

Misalnya Kelantan, Terengganu, Johor dan Kedah. Sangat sedikit anak kelahiran Kuala Lumpur yakni anak kelahiran Kampung Baru atau gelembung elit Melayu di Damansara dan Bangsar.

Antara pemangkin penghijrahan perantau ke Kuala Lumpur adalah mahu membina kehidupan baharu. Walaupun banyak tanah terbiar di kampung, Kuala Lumpur tetap dianggap sebagai lubuk rezeki. Antara faktornya banyak kawasan perindustrian yang membuka peluang pekerjaan yang tidak ada di kampung-kampung.

Hakikatnya di sebalik bangunan yang puncaknya mencakar awan, di celah-celah lorong dan kaki-kaki lima banyak yang terpaksa bertarung untuk hidup kerana bertaraf miskin bandar. Miskin di tengah bandar jauh lebih memeritkan berbanding susah hidup di kampung.

Pertanyaan awal tadi sebenarnya tidak mudah untuk dijawab. Saya hanya mampu memberikan gambaran yang perlu dihadapi untuk membina kehidupan di Kuala Lumpur.

Sekalipun begitu, hakikatnya banyak yang hidup bahagia dengan himpitan ekonomi dari kiri dan kanan. Masa yang sama ada juga yang berstatus T20 atau lebih tinggi lagi yang gajinya berbelas malah berpuluh ribu ringgit sentiasa tidak bahagia dalam ekonomi keluarga. Harapnya pertanyaan tentang gaji yang cukup untuk hidup di Kuala Lumpur sudah terjawab.

RAGAM KOTA

MATOMATO



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

VIDEO FAHMI BESAR MAKNANYA



ZULKIFLI SULONG

MINGGU ini tular satu video yang sangat menarik dikeluarkan oleh Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil. Dengan hanya menggunakan pendekatan naik dan turun tangga, Fahmi berjaya menjelaskan dengan mudah pencapaian negara sekarang.

Fahmi memulakan video ini dengan turun tangga sambil menyebut, "hutang turun." Kemudian dia turun lagi tangga itu sambil menyebut, "inflasi turun".

Sambil menyebut kedua-duanya, video ini memaparkan cerita bagaimana hutang negara boleh turun dengan memainkan video ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menceritakan bagaimana hutang negara telah diturunkan.

Begitu juga dengan inflasi. Beliau memaparkan pengumuman terbaharu tentang penurunan inflasi yang kini hanya dua peratus sahaja.

Selepas turun tangga, Fahmi naik tangga pula sambil berkata "Harga sawit naik". Beliau juga menyebut "Harga getah naik" dan juga "Ringgit naik".

Melalui kombinasi ini, apabila hutang negara dan inflasi turun dan harga sawit, getah dan ringgit naik, Fahmi berjaya memberitahu dunia dan rakyat Malaysia bagaimana kebaikan sedang diterima oleh rakyat negara ini.

Memang sebagaimana yang diberitahu Fahmi melalui video yang kreatif ini, Malaysia sedang menuai apa yang telah mula ditanam oleh Kerajaan Perpaduan sejak ditubuhkan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) lalu.

Sebagaimana yang diketahui,

Kerajaan Malaysia MADANI ini mempunyai 60 bulan untuk membuktikan apakah mereka berjaya atau tidak mentadbir Malaysia sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat.

Kini 20 bulan sudah berlalu dan hasilnya mula boleh dinikmati oleh rakyat dan negara.

Jika itu pencapaian selepas 20 bulan, sudah tentu Malaysia tidak teragak-agak untuk memberikan peluang selama 40 bulan lagi kepada Kerajaan Malaysia MADANI untuk membuktikan kemampuannya.

Ramai yang berkata PM Anwar telah berjaya menjalankan tugasnya dengan baik. Beliau telah berjaya menarik perhatian dunia tentang kemampuan dan kebolehannya.

Pihak yang paling terkesan dengan kebolehan beliau adalah umat Islam di seluruh dunia. Sudah lama mereka mengimpikan seorang hero untuk membolehkan mereka menyandarkan harapan.

Kini mereka melihat sinarnya. Nasib umat Islam Palestin yang sedang dilanyak Israel terbela di pentas dunia. Semua melihat apa yang PM Anwar suarakan ketika berkongsi pentas sidang media dengan Canselor Jerman, Olaf Scholz.

Dalam sidang akhbar di Berlin pada 12 Mac lalu itu, Anwar dilaporkan oleh Agensi Anadolu (AA) mengkritik negara Barat kerana kurang bertindak terhadap kekejaman Israel di Gaza tetapi mereka mengecam Hamas.

Anwar seperti dilaporkan AA berkata, negara barat seharusnya menghentikan sikap memilih dan mempunyai perasaan yang bertentangan terhadap sesuatu.

"Apa yang saya tolak dengan keras ialah naratif ini, obsesi ini, macamlah semua masalah bermula dan berakhir pada 7 Oktober.

"Ia tidak bermula dengan 7



TANGKAP layar video yang memaparkan Fahmi sedang naik dan turun tangga.

Oktober dan tidak berakhir dengan 7 Oktober.

"Ia bermula empat dekad sebelum itu, dan ia berterusan setiap hari," katanya.

Anwar dilaporkan berkata dasar Israel terhadap Palestin yang berdekad-dekad lamanya dan kekejaman rejim itu adalah punca utama kepada konflik yang berterusan.

Konflik yang berterusan itu mengakibatkan korban dan kemusnahan yang ketara serta

Israel menghadapi tuduhan melakukan genosid di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Ekoran dari sidang media itu, sikap Jerman terhadap konflik itu seolah-olah bertukar 180 darjah. Beberapa hari selepas itu, Jerman mengumumkan bantuan berjuta ringgit untuk umat Palestin.

Apa yang dibuat oleh Anwar bukan itu sahaja. Yang lebih banyak dibuat Anwar adalah untuk rakyat negara ini dan hasilnya dipertontonkan oleh Menteri

Komunikasi sendiri menerusi video yang saya sebutkan di atas tadi.

Sepatutnya, selaku Menteri, Fahmi tidak perlu membuat video itu. Fahmi mempunyai agensi komunikasi yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

Ada Jabatan Penyiaran Malaysia atau RTM, BERNAMA, Jabatan Penerangan dan pelbagai jabatan lagi yang sepatutnya menjalankan tugas untuk menyampaikan naratif kerajaan.

Namun, sebelum video Fahmi, jabatan manakah yang menyampaikan naratif kerajaan ini? Inilah persoalan besarnya.

Percayalah, selepas 20 bulan berlalu, Kerajaan Malaysia MADANI ini telah membuktikan mereka mampu membawa Malaysia ke tahap itu, sudah pasti 40 bulan lagi akan membawa Malaysia ke puncak dunia.

Oleh itu, tidak ada sebab untuk anggota pasukan penyiaran dan komunikasi kerajaan itu ragu-ragu terhadap kerajaan ini. Berilah sokongan anda sepenuhnya kepada kerajaan yang ada.

Laporkan cerita kerajaan dengan saksama dan sewajarnya. Janganlah sabotaj mereka dengan kerja sambil lewa dan melepaskan batuk di tangga.

Saya yakin, Fahmi sedia untuk membuat kerja yang sepatutnya dibuat oleh media kerajaan sekarang tetapi jika berlebih-lebih sangat, sudah tentu dia juga akan bosan.

Jangan sampai situasi itu berlaku. Berilah sokongan sepenuhnya untuk menyampaikan naratif kerajaan sekurang-kurang amalkanlah dasar kami menyokong *government of the day*.

INI sekadar pandangan penulis berdasarkan situasi semasa yang ada.

Pasar Datuk Keramat daif



Malaysia negara selamat

PASAR Datuk Keramat, Kuala Lumpur, dalam keadaan sangat daif. Ini penelitian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang melakukan lawatan tinjauan dan bermesra dengan para peniaga di pasar tersebut baru-baru ini.

Perdana Menteri kesal dengan kemelut yang melanda menyebabkan rancangan pembangunan semula pasar tersebut tertangguh sejak beberapa tahun lalu. Beliau mahu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengatasi kemelut tersebut dan proses pembangunan segera dijalankan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, memang sewajarnya pasar tersebut dibangunkan semula serta dinaik taraf kerana keadaannya sesak dan tidak teratur. Pasar utama lain seperti Chow Kit pun sudah dibangunkan semula.

Anwar telah memaklumkan kepada Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Datuk Bandar, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh untuk memberi perhatian terhadap perkara tersebut dan mengatasinya.

Johari yang juga Menteri Perlindungan dan Komoditi, memaklumkan DBKL telah menebus semula tanah yang sebelum ini dijual kepada pemaju. Semoga ia dilaksanakan segera dan berjalan lancar.

Untuk rekod, Pasar Datuk Keramat pernah dua kali terbakar. Pertama kali pada Mac 2021. Kebakaran ini memusnahkan 40 kedai di pasar tersebut dan menyebabkan kerugian sekali gus peniaga hilang tempat berniaga.

Selang 15 bulan kemudian, sekali lagi ia terbakar dan menyaksikan 50 peratus pasar tersebut musnah.

MALAYSIA berada pada kedudukan ke-10 negara paling selamat di dunia. Tentunya ini satu pencapaian yang mengagumkan kerana dari begitu banyak negara di dunia yang terdiri pelbagai benua, Malaysia diletakkan di tempat 10 teratas.

Turut membanggakan, di peringkat Benua Asia, Malaysia dikategorikan negara paling selamat selain Singapura. Kesemua fakta ini dilaporkan dalam portal majalah Travel Stop.

Rakyat Malaysia wajar berbangga dengan pencapaian Malaysia. Bagi kawan-kawan Kedai Kopi ini bukan pencapaian mudah. Pihak berkenaan pasti telah melakukan kajian teliti dan mendalam sebelum mengiktiraf Malaysia.

Pengiktirafan ini secara tidak langsung mengakui Malaysia ialah sebuah negara aman, politik stabil, tiada keganasan seperti di negara lain. Rakyat hidup bersatu rukun

damai dengan tahap keselamatan terjamin, baik untuk warga negara atau mereka dari negara luar.

Ini sangat bermakna kerana walaupun Malaysia dianggap negara kerdil di Asia khususnya dan dunia amnya, ia boleh berdiri megah mampu mengatasi negara maju lain.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi berharap rakyat Malaysia pertahan kedudukan sebagai negara selamat, malah berusaha lebih gigih untuk mencapai kedudukan lebih baik pada masa akan datang. Ini penting agar nama Malaysia terus harum di persada dunia.

Sekadar catatan, negara paling selamat di dunia menurut kedudukan tempat pertama hingga ke-10 masing-masing ialah Iceland, Ireland, Austria, New Zealand, Singapura, Switzerland, Portugal, Denmark, Slovenia dan Malaysia.

BUKA MATA TENTANG SCAM

BERKHIDMAT selama 21 tahun dalam pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta menjawat jawatan terakhir sebagai Asisten Superintendan (ASP), kini beliau memilih untuk menabur bakti kepada masyarakat sepenuh masa.

Berbicara lanjut tentang figura ini, ASP Bersara, RAHMAT FITRI ABDULLAH sentiasa bersemangat untuk membantu rakyat Malaysia melindungi harta benda dan wang yang terdedah dengan penipuan/*scam*.

Berpengalaman luas dalam bidang penyiasatan dan operasi kes jenayah komersil serta jenayah kekerasan, beliau memilih untuk meneruskan kerjaya dalam bidang konsultansi dengan menubuhkan Rahmat Fitri Consultant Sdn Bhd.

Kepada Wartawan Kanan Wilayahku, **AINI MAWAWI**, ASP Bersara Rahmat yang menjadi tetamu Padu Podcast berkongsi lanjut berkenaan isu *scam* termasuk penjualan produk anti scam.

Boleh ceritakan sedikit tentang latar belakang tuan ketika berkhidmat dalam PDRM?

Dilantik pada 1 November 2003, saya menjadi sebahagian daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSIK) dan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) PDRM.

Kepakaran dalam mengenal pasti serta membongkar aktiviti sindiket *scam* membawa kepada pelantikan saya sebagai duta Anti-Scam PDRM pada 13 September 2022.

Kenapa tuan memilih untuk bersara awal?

Saya bersara awal untuk memberi fokus membantu masyarakat di luar sana di samping mahu menggunakan kepakaran yang ada mengenal pasti segala penipuan dan mengesan aktiviti *scam* dalam talian (*online*) yang semakin berleluasa di Malaysia sekarang ini.

Diktiraf sebagai HRD Corp TTT Certified Trainer, apakah antara skop ilmu yang sering dikongsi kepada masyarakat?

Pelbagai ilmu dan tip yang dikongsi antaranya persediaan serta pengurusan kewangan yang bijak dan tip dalam mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan dalam talian (*scammer*).

Apakah antara aktiviti yang dijalankan oleh Rahmat Fitri Consultant Sdn Bhd?

Antara aktivitinya adalah perkhidmatan dalam memberikan latihan, nasihat, tunjuk ajar di seminar, kursus, latihan, program ceramah, temu bual dan lain-lain melibatkan hal pengurusan kewangan, fraud, siasatan, apa-apa yang melibatkan isu penipuan/*scam* termasuk penjualan produk anti scam.

Apabila seseorang itu terkena *scam*, mereka baru tersedar dan panik, jadi apakah yang perlu dilakukan?

Bila terkena *scam* dalam tempoh 24 jam, ketahuilah anda sudah pun termasuk duit ke dalam keldai akaun yang digunakan oleh *scammer* itu.

Langkah pertama yang perlu dilakukan hubungi National Scam Response Centre (NSRC) di talian 997 untuk memaklumkan dan melaporkannya.

NSRC akan sekat akaun tersebut supaya duit yang telah disalurkan

tidak dapat dipindahkan atau dihantar ke akaun-akaun lain. Ia juga bagi memastikan *scammer* tersebut tidak bermaharajalela dengan menikmati duit hasil penipuan tersebut.

Boleh tuan terangkan dengan lebih lanjut berkenaan NSRC?

NSRC adalah kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dan PDRM bersama Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta ahli jawatankuasa yang terlibat untuk masyarakat di luar sana. Terdapat pasukan khas untuk membantu pengguna setiap kali tersedar telah tertipu dalam tempoh 24 jam. Mangsa harus menghubungi NSRC agar wang yang telah dimasukkan ke dalam keldai akaun berjaya disekat daripada bergerak ke akaun-akaun lain bagi menghalang ia dapat dimiliki atau dinikmati oleh *scammer*.

Banyak kes penyelewengan yang melibatkan golongan pempengaruh media sosial dan sebagainya, kenapa ia sering kali terjadi?

Ini berlaku sebab banyak pihak yang ambil kesempatan dan perkara ini dibimbangi akan menjadi satu budaya terutamanya yang minta sumbangan derma dengan menggunakan elemen agama, anak yatim dan sebagainya.

Bagi pendapat saya, biasanya kalau melibatkan pelaburan salah ini masyarakat akan mudah sangat untuk percaya dan taksu kerana kebiasaannya ia berkait dengan program agama, umrah dan sebagainya. Ketahuilah niat tidak menghalalkan cara, itu bukan budaya yang boleh diamalkan.

Boleh tuan kongsi kes *scam* sebagai iktibar mereka di luar sana?

Ada satu kes di mana individu itu pernah diviralkan oleh stesen televisyen tentang kesusahan hidup dia dengan disertakan nombor akaun untuk sesiapa sahaja membantu menyalurkan sumbangan derma. Sebenarnya dia bukanlah susah tetapi ketika itu suami dia sakit.

Tetapi yang tidak enak, perkara tersebut menjadi amalan. Setiap bulan dia akan memuat naik kisah dan gambar di media sosial untuk meraih bantuan. Bayangkan dalam akaun dia ada RM500,000.

Saya tengok sendiri betapa pemurahnya rakyat Malaysia. Cara *scammer* ini berfikir lain, misalnya rakyat Malaysia ada 34 juta orang, cukuplah sasaran mereka 500,000 orang sahaja yang pemurah, jika seorang derma RM10, berapa dah mereka dapat?

Kenapa sukar untuk membanteras sindiket *scam* ini?

Saya pernah tangkap satu sindiket derma dan saya dapat senarai nama dan nombor telefon penderma. Jadi, saya telefon dan terangkan mereka tertipu dalam menyalurkan derma. Dalam masa sama, saya minta mereka datang bantu bagi keterangan untuk kita siasat lebih lanjut.

Rata-rata penderma ini jawab, tak apalah mereka sudah sedekah dan itu hal antara *scammer* tadi dengan tuhan. Jadi, mereka tak nak datang bagi keterangan. Itulah antara sebab kenapa sukar nak banteras sindiket derma ini.

Bagaimana cara untuk pastikan seseorang itu layak diberi sumbangan?

Sangat mudah. Jika kita lihat mereka itu sihat tubuh badan, kenapa perlu bagi sumbangan? Dalam isu ini ramai yang suka ambil kesempatan. Misalnya di kaki-kaki lima bank, kita nampak ada tin atas kerusi untuk derma, orang tak ada, jadi kenapa ada benda itu di situ. Kalau terus dibiarkan, kita yang menggalakkan budaya ini terus berlaku.

Tuan, ramai dalam kalangan rakyat Malaysia yang pemurah, jadi bagaimana untuk mengelakkan tertipu?

Jangan terlalu mudah untuk mempercayai iklan derma di media sosial, WhatsApp dan sebagainya. Sebagai seorang yang bijak, tak perlu untuk melayan jika tidak tahu kesahihannya.

Sebab itu saya nak bagitahu semua di luar sana, berbalik kepada prosedur operasi standard (SOP) dalam memberi sumbangan. Nak minta sumbangan ada prosedur tertentu antaranya hendaklah dibuat di daerah berkenaan, tujuan serta perlu ada permit. Misalnya jika ada melibatkan pembinaan masjid, tahfiz perlu ada permit dari Jabatan Agama. Audit juga perlu dikemukakan. Tapi pegangan orang kita, tak apalah niat sedekah, yang lain urusan dia dengan tuhan.

Jadi, sesiapa sahaja jika ingin menderma atau sebagainya perlulah semak tanya terlebih dahulu, misalnya mesej minta derma untuk pembinaan tahfiz, adakah pusat tersebut wujud dan lain-lain.

Sebab itu, bila ada yang tidak tahu saluran derma yang betul, maka seeloknya dermalah kepada agensi yang kita tahu kesahihannya misalnya Lembaga Zakat dan sebagainya. Itu lebih terjamin. Berbalik juga kepada ajaran agama iaitu membantu orang susah di sekeliling yang kita nampak contohnya ahli keluarga, jiran terdekat dan sebagainya. 





SEMINGGU

Oh!Ria Fest hapus stigma aktiviti golongan kayangan

DEKATI SUKAN EKUESTRIAN

SABRINA SABRE

SUKAN berkuda sering dikaitkan dengan sukan yang eksklusif dan hanya untuk golongan elit sahaja.

Ia adalah tidak benar sama sekali. Justeru bagi mendekatkan orang ramai dengan sukan tersebut, Kelab Kuda Istimewa (UNIK) bersama Oh!Ria Fest Management menganjurkan Oh!Ria Fest di Taman Ekuestrian Putrajaya bermula 2 hingga 4 Ogos ini.

Menurut Presiden UNIK, **Zahari Senin**, festival yang julung kali diadakan itu memberi peluang kepada kelab tersebut bagi mengutip dana untuk membantu menjalankan pelbagai aktiviti khususnya melibatkan anak-anak istimewa.

"Kelab kami ditubuhkan pada Oktober 2023 dengan objektif utama untuk menyediakan perkhidmatan terapi berkuda secara percuma khususnya kepada golongan awam yang kurang berkemampuan.

"Kami mempunyai keahlian ibu bapa yang mempunyai anak-anak autisme dan orang kurang upaya (OKU). Antara kaedah rawatan selain daripada elemen perubatan moden adalah dengan melibatkan haiwan seperti kuda untuk tujuan terapi mental dan fizikal.

"Kami berharap dengan



ZAHARI



UNIK menawarkan perkhidmatan terapi berkuda secara percuma khusus buat golongan kurang berkemampuan.

penganjur Oh!Ria Fest ini dapat membolehkan kami membuat penjenamaan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penubuhan dan fungsi UNIK," ujar beliau.

Dalam masa sama, Jurulatih Tahap 2 Riding for Disable (RDA) itu berkata pihaknya turut menawarkan pengajaran dan perkongsian mengenai sukan berkuda secara percuma kepada orang awam yang berminat.

"Ia termasuk pengetahuan asas seperti cara mengendalikan kuda,

teknik menunggang yang betul dan penjagaan kuda. Inisiatif ini diharapkan dapat meningkatkan pemahaman dan keterampilan sukan berkuda dalam kalangan masyarakat," ujarnya.

Dalam pada itu, Timbalan Presiden UNIK, **Datin Nor Ainon Wan Mohd Fadzil** berkata pihaknya bersama Oh!Ria Fest Management berhasrat untuk menganjurkan acara sukan berkuda berskala nasional pada masa akan datang.

"Kami lihat sukan berkuda

atau ekuestrian berpotensi untuk dimajukan dan menjadi sebahagian sukan popular di Malaysia. Acara sukan berkuda berskala nasional sesuai diadakan di Malaysia kerana negara kita mempunyai banyak fasiliti sukan berkuda.

"Ia juga dapat memberi banyak pendedahan kepada orang awam dan mereka yang terlibat dalam industri sukan berkuda di Malaysia. Melalui acara ini, kami berharap dapat menarik minat lebih ramai individu terhadap sukan berkuda dan

memperkenalkan keunikan sukan ini kepada masyarakat.

"UNIK juga sedang merancang untuk menjalankan aktiviti bagi mencungkil bakat atlet Paralimpik dalam sukan berkuda. Dengan bimbingan dan latihan yang betul, kami berharap dapat melahirkan atlet berkuda yang mampu bersaing di pentas antarabangsa agar dapat mengharumkan nama negara," ujar beliau yang juga merupakan Jurulatih Tahap 3 RDA.

Sementara itu, wakil pihak penganjur Oh!Ria Fest iaitu Oh!Ria Management, **Mohamad Fauzi Md Nor** memberitahu sebanyak 80 pempamer dan vendor mengambil bahagian dalam menyediakan khidmat jualan makanan dan bukan makanan di festival tersebut.

"Antara aktiviti yang kami anjurkan ialah zumba, *pound*, *pony-ride*, sesi mengenali dan *carrot time* bersama kuda, demo lukisan abstrak, demo yoga dan persembahan selebriti tempatan. Kita juga menganjurkan pertandingan *dressage* dan *show jumping* kuda.

"Lebih menarik, festival ini tidak mengenakan sebarang bayaran masuk, ia adalah percuma," ujarnya.

Oh!Ria Festival beroperasi bermula pukul dua petang hingga 10 malam pada 2 Ogos (Jumaat) manakala pada 3 dan 4 Ogos (Sabtu dan Ahad) akan beroperasi bermula pukul 8 pagi hingga 10 malam.



NOR AINON



FAUZI

Singgah Seni papar keunikan budaya

SANTAI sambil menyaksikan pelbagai persembahan menarik adalah antara pengisian Program Singgah Seni yang bertempat di Anjung Floria, Presint 4 pada setiap Sabtu.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, program berteraskan persembahan seni dan budaya itu mengetengahkan konsep santai dan sesuai untuk seisi keluarga.

"Objektif penganjur Program Singgah Seni ini adalah untuk mempelbagai dan menyemarakkan aktiviti kesenian dan kebudayaan.

"Usaha berterusan PPj dalam mempelbagai aktiviti kesenian dan kebudayaan adalah bertujuan untuk menceriakan waktu malam di Putrajaya dengan aktiviti sihat yang berunsur kekeluargaan bagi

merapatkan ukhuwah dalam kalangan komuniti Putrajaya dan kawasan sekitar," ujar beliau.

Fadlun berkata edisi penganjur kali kedua pada tahun 2024 ini membawakan tema kenegaraan dan bulan kemerdekaan bersempena bulan Ogos ini.

"Ia diwarnai dengan persembahan kesenian dan kebudayaan yang lebih santai dan sesuai untuk seisi keluarga dalam usaha menggalakkan program-program berbentuk kesenian di Putrajaya,"

ujarnya.

Dalam masa sama, beliau berkata ianya turut dapat mempromosi Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui muzik, tarian-tarian tradisional Malaysia dan aktiviti seni budaya Malaysia secara amnya.

"Selain itu, program ini

secara tidak langsung dapat mempromosikan PPj sebagai pentadbir kawasan Putrajaya melalui muzik, tarian dan aktiviti seni juga budaya," ujarnya.

Singgah Seni merupakan program dianjurkan oleh pihak PPj yang diadakan pada setiap Sabtu bermula pukul 9 sehingga 11 malam.

Teras pengisian program tersebut adalah persembahan pentas oleh selebriti tanah air iaitu Baggio (Damasutra) dan Eira Milpan diiringi kombo PPj yang tidak asing lagi iaitu Precinctnotes. Lebih menarik, turut ditampilkan demonstrasi persembahan seni mempertahankan diri (silat dan silambam) serta penerangan tentang busana Melayu.

Di samping itu, pelbagai program sisipan bakal menceriakan edisi pada kali ini antaranya beca berlampu, jualan barangan kering, makanan dan minuman serta *car boot sale*.



FADLUN



SINGGAH Seni merupakan program santai dan sesuai ditonton oleh penggemar seni.

WiPers perkemas persiapan kontinjen

MISI SERAMPANG DUA MATA

SABRINA SABRE

GABUNGAN 70 peratus muka baharu dan baki 30 peratus atlet sedia ada menjadi sumber kekuatan Kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) dalam mendepani saingan Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Sarawak yang akan berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Edisi kali ini menyaksikan WiPers ke Bumi Kenyalang dengan misi serampang dua mata iaitu mencapai sasaran 70 pingat emas dan pada masa sama mahu mengisi kelompok dua teratas keseluruhan carta pungutan pingat selain memperbaiki pencapaian SUKMA 2022 menduduki tempat ketiga keseluruhan dengan 55 emas, 68 perak dan 64 gangsa.

Menurut Ketua Kontinjen Wilayah Persekutuan (CDM) ke SUKMA 2024, **Datuk Parang Abai @ Thomas**, WiPers merangkumi atlet dari Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan merupakan antara kontinjen terbesar pada temasya kali ini dengan membawa seramai 711 atlet terdiri daripada 387 atlet lelaki dan 324 atlet wanita yang akan bersaing dalam kesemua 37 jenis sukan dipertandingkan.

"Kali terakhir WiPers bergelar juara adalah pada SUKMA 2014 dan saya meletakkan harapan tinggi buat kontinjen kembali sebagai juara keseluruhan selepas 10 tahun menanti.

"Saya juga yakin dengan



KONTINJEN WiPers menyasarkan untuk muncul juara keseluruhan SUKMA 2024.

kemampuan kontinjen WiPers dan percaya bahawa mereka semua akan terus membawa kejayaan.

"Kalau untuk Wilayah Persekutuan, memang lubuk emas kita ialah gimrama serta akuatik. Sukan lain yang sentiasa beri emas ialah karate dan lawan pedang. Tidak lupa juga secara konsisten WiPers menerima emas daripada acara bola jaring," ujar beliau.

Parang Abai berkata WiPers bakal berdepan tentangan hebat dari tuan rumah iaitu Sarawak di samping asakan dari negeri Selangor, Terengganu dan Johor namun

mereka kini berada dalam pecutan terakhir menjalani latihan intensif menjelang temasya dwitahunan kebangsaan itu.

"Latihan diteruskan seperti biasa sehingga saat akhir dan terdapat beberapa atlet dalam acara sukan seperti tinju, angkat berat dan taekwondo sedang menjalani latihan di luar negara.

"Ia merupakan sukan sasaran dan prospek untuk mendapatkan pingat emas. Memang kelaziman Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menghantar atlet menjalani latihan di luar negara setiap tahun untuk mengekalkan konsistensi mereka.

"Mereka akan kembali ke negara sebelum SUKMA, ada yang balik jumpa keluarga sekejap sebab kita

mahu kesinambungan dari latihan di luar negara itu terus meningkat di SUKMA," ujarnya.

Dalam masa sama, Parang Abai yang juga Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Sosio Ekonomi), Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) berkata walaupun berdepan pelbagai cabaran, namun beliau yakin persiapan yang kini berada di peringkat akhir akan berjalan lancar.

"Antara cabaran utama adalah dari segi logistik kerana SUKMA kali ini melibatkan beberapa bahagian di seluruh Sarawak. Biarpun cabaran membabitkan isu logistik dan peruntukan kewangan yang agak terhad, saya memohon komitmen dan kerjasama semua untuk memastikan setiap atlet kita

nanti melakukan yang terbaik demi Wilayah Persekutuan.

"Selain itu, perkampungan sukan, penyediaan makanan melalui vendor, aspek keselamatan serta sukarelawan semua sudah kita sediakan," ujar beliau.

Sebelum ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata WiPers menasaskan 70 pingat emas dalam usaha merealisasikan misi untuk muncul juara keseluruhan di SUKMA 2024.

Beliau juga mengumumkan insentif sehingga RM5,000 buat pemenang pingat emas (individu dan berpasukan), RM2,000 bagi perak dan RM1,000 bagi gangsa sebagai pembakar semangat kontinjen WiPers.

Jurulatih atlet berkenaan pula bakal menerima RM1,000 bagi kategori sukan individu dan sukan berpasukan manakala untuk acara berpasukan pula akan mendapat imbuhan RM500.

Seterusnya, pengurus pasukan akan ditawarkan insentif RM500 bagi setiap sukan yang memperoleh pingat emas.

SUKMA 2024 melibatkan sembilan bahagian iaitu di Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sibul, Mukah, Bintulu dan Miri.

Temasya kali ini menyaksikan 37 jenis sukan dipertandingkan membabitkan 488 acara terdiri daripada 236 acara lelaki, 217 (wanita) dan 35 lagi acara campuran lelaki dan wanita selain dijangka menghimpunkan 12,619 atlet dan pegawai.

Hatrik paling bermakna

KEJAYAAN mempertahankan gelaran juara serta mencipta hatrik bersama anak buahnya di Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 bakal menjadi hadiah perpisahan paling bermakna buat Ketua Jurulatih Bola Jaring Kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers), **Norizan Rajab**.

Norizan berkata rata-rata pemain dalam kalangan skuad itu bukan asing baginya dan beliau optimis latihan fasa akhir yang berbaki 19 hari itu sudah dirangka sebaiknya walaupun tanpa menyertai sebarang latihan di luar negara.

"Memandangkan potensi atlet yang saya bimbing selama empat tahun sebelum ini masih berada dalam skuad, jadi rasa agak kesian untuk tinggalkan pasukan sebelum SUKMA 2024 bermula.

"Lebih baik teruskan dominasi itu dan harapnya dapat pertahankan lagi kejuaraan serta cipta hatrik bagi edisi kali ini," ujar beliau.

Sebelum ini, Norizan memaklumkan mahu berhenti mengendalikan skuad itu bagi mengubah haluan sebagai penasihat pasukan setelah



SKUAD bola jaring WiPers bakal menyahtu cabaran bagi merangkul kejuaraan kali kesembilan pada SUKMA 2024.

memacu kejayaan skuad WiPers yang muncul juara pada edisi ke-20 selepas menewaskan Pahang pada pentas final di Kuala Lumpur.

Saingan bola jaring bakal berlangsung di Dewan Politeknik Mukah bermula 17 hingga 23 Ogos ini.

Sasar dua emas

BIARPUN membariskan 10 muka baharu, skuad tenpin boling Wilayah Persekutuan (WiPers) tetap melaungkan amaran untuk membawa pulang dua pingat emas di Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Jurulatih skuad WiPers, **Steven Teng** berkata dua emas itu didasarkan menerusi acara trio dan berpasukan lelaki namun mengakui cabaran sengit bakal dihadapi dari Pulau Pinang, Selangor, Johor dan tuan rumah Sarawak.

"Kita akan ambil bahagian dalam kesemua 11 acara dipertandingkan dan 10 muka baharu akan mengambil bahagian. Saya mula melatih mereka selepas Aidilfitri tahun lepas dan banyak hantar mereka menyertai kejohanan domestik untuk dapat pengalaman.

"Sebanyak lima atau enam kejohanan kami sertai selain menjalani latihan di Sunway Megalanes, Petaling Jaya. Saya turut dibantu Alisha Iman Cheong Abdullah sebagai penolong jurulatih," ujar beliau.

Pasukan lelaki WiPers dibarisi tiga pemain yang beraksi pada edisi 2022 iaitu Shaqem Izwan Teh Shahrul Hafiz Teh dan Ahmad Azriq Izamudin manakala Muhd Aiman Farhan Nor Fuzi, Muhd Amin Syimir Safri, Amin Zulkarnain Zulkiffi dan Syabil Azam Syamsul Azam akan membuat penampilan sulung mereka di pentas SUKMA.

Sementara itu, pasukan wanita pula membariskan Zara Deliza Mohd Kamarul Azizi, Dhia Irdina Zahra Mohd Hazrin, Balqis Nurdini Mohd Khairul, Ng Ai Shan, Haiffa Hazlan dan Nur Aisyah Abd Rahim.

Edisi ke-21 menyaksikan 11 acara dipertandingkan iaitu perseorangan, berpasangan, trio, berpasukan, Masters, bagi kategori lelaki dan wanita serta berpasangan campuran yang akan berlangsung di Megalanes Emart, Batu Kawa, Kuching.

SUKMA 2024 di Sarawak melibatkan sembilan bahagian iaitu Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sibul, Mukah, Bintulu dan Miri serta mempertandingkan 37 jenis sukan.

FILEM PUPUK PATRIOTISME

DEEL ANJER

BULAN ini genaplah 67 tahun negara kita bebas daripada cengkaman penjajah. Menerusi kemerdekaan itu kita dapat hidup dalam suasana aman makmur tanpa perlu tunduk dengan mana-mana kuasa luar.

Sempena sambutan hari yang cukup bersejarah ini, ayuh kita semarakkan semangat cintakan negara

dengan menonton filem yang dapat memupuk semangat patriotik dalam diri.

Antara filem yang pastinya menjadi pilihan adalah Paskal, Ola Bola, MALBATT: Misi Bakara, Mat Kilau, Hati Malaya, Bukit Kepong dan Sarjan Hassan.

Terbaharu, anda juga dialu-alukan untuk menonton filem Harimau Malaya yang bakal ditayangkan di pawagam pada 15 Ogos ini.

Kukuh perpaduan

PELAKON Riz Amin berpendapat filem sejarah, patriotik atau genre lain yang memupuk semangat cintakan negara memainkan peranan penting dalam masyarakat.

Riz yang pernah membintangi filem patriotik seperti Tanda Putera dan 29 Februari ini melihat perpaduan sesama kaum adalah cara kita menghormati sebuah kemerdekaan.

"Filem-filem sebegini amat penting untuk ditonton kerana ia memberi penekanan kepada negara bangsa, semangat nasionalisme dan patriotisme. Tambahan pula, ia memaparkan kehidupan masyarakat di akar umbi yang berjuang mempertahankan diri, keluarga, kebajikan, agama dan negara.

"Menerusi filem sebegini juga, kita dapat merasai dan menjiwai susah payah pahlawan terdahulu dalam memerdekakan negara kita.

"Membaca tentang kemerdekaan sahaja tidak cukup. Pentingnya filem kita boleh melihat secara visual dan lebih memberi kesan di hati," ujarnya.

Menurut Riz lagi, filem-filem yang memupuk semangat cintakan negara juga diterapkan dalam filem bergenre lain seperti komedi, cinta, komedi romantik, kekeluargaan dan sebagainya.

"Misalnya Ola Bola pada tahun 2016. Filem ini mempunyai beberapa genre yang digabungkan dan ia menjurus kepada memupuk semangat patriotik.

Dalam masa yang sama, ia menjadi penyebab kepada kejayaan karya berkenaan di pawagam.

"Filem ini juga boleh menyatukan bangsa Melayu, Cina dan India menerusi satu acara iaitu bola sepak," katanya.

Bawa kesedaran diri

PENYANYI dan pelakon popular, **Ayda Jebat** menganggap filem sejarah atau patriotik boleh memberi kesedaran kepada masyarakat agar menghargai perpaduan serta keharmonian yang telah lama dibina.

"Filem berkonsepkan kenegaraan tidak hanya menceritakan tentang peperangan malah semangat perpaduan juga boleh menyemarakkan semangat patriotik dalam jiwa rakyat Malaysia.

"Dalam negara yang berbilang kaum, keharmonian perlu sentiasa dijaga secara berterusan agar tidak berlakunya perpecahan sesama kita.

"Ya, memang bukan senang untuk pastikan keharmonian dapat dipelihara khususnya dalam masyarakat majmuk tetapi jika perpaduan diperkuatkan, keamanan ini terus kekal sampai bila-bila.

"Sedar atau tidak, filem yang memaparkan keharmonian kaum mampu memberi kesedaran kepada rakyat agar dapat bersama-sama memperkukuhkan semula perpaduan kaum yang adakalanya tampak goyah," katanya.

Sempena meraikan Hari Kebangsaan yang ke-67, Ayda juga menyeru agar rakyat Malaysia menonton filem-filem yang cenderung kepada unsur perpaduan.

"Aspek-aspek yang turut ditonjolkan dalam filem ini seperti perbezaan agama, budaya, bahasa dan kelas sosial membuatnya unik dan dekat dengan realiti hidup rakyat Malaysia.

"Tambahan pula, ada babak-babak dalam filem tersebut mampu membuatkan anda menangis bukan sebab sedih tetapi rasa bangga dan lebih sayang kepada negara. Itu yang mahal," tambahnya.



Tarik golongan muda

PENERBIT terkenal, Datuk Normashayu Puteh menganggap filem mempunyai peranan penting dalam mengajar erti kemerdekaan kepada masyarakat.

Bagi wanita yang lebih mesra disapa **Ayu Puteh** ini, menerusi filem boleh menarik orang ramai terutamanya generasi muda untuk menghargai sebuah kemerdekaan.

"Tanpa perjuangan orang-orang terdahulu, tiadalah kemerdekaan hari ini. Apa yang kita nikmati adalah hasil perjuangan mereka yang sanggup menggadai nyawa demi kemerdekaan negara.

"Jadi, bagaimana mahu memberitahu masyarakat segala pengorbanan mereka? Antara langkah yang cukup berkesan adalah melalui filem kerana masyarakat dan generasi sekarang boleh melihat perjuangan mereka secara visual dan memberi kesan di hati," katanya.

Menurut ibu kepada selebriti Wanna Ali ini, generasi muda boleh menghayati filem yang mempunyai unsur-unsur patriotik yang merupakan lanjutan daripada subjek sejarah yang dipelajari di sekolah.

"Generasi muda yang selama ini hanya membaca kisah perjuangan pahlawan Melayu dalam buku sejarah mendapat peluang terbaik untuk menghayati watak perjuangan pahlawan ini.

"Walaupun dalam filem terdapat unsur fiksi, kita tidak boleh menafikan karya sebegini merangsang semangat nasionalisme rakyat.

"Di sini kita dapat lihat dengan jelas, nilai patriotisme ada hubung kait yang sangat akrab. Kita perlu melihat secara serius untuk menjadikan drama dan filem sebagai wadah yang terus menyemai dan menyuburkan semangat cintakan negara dalam kalangan masyarakat.

"Kita berharap agar lebih banyak lagi karya genre seperti ini dapat dihasilkan oleh barisan pengarah tempatan kerana di samping mampu menarik minat penonton, ia juga boleh menyampaikan pelbagai mesej positif dan nilai murni kepada masyarakat.

"Bagi merealisasikan hasrat ini pemain industri perfileman tempatan sangat memerlukan sokongan dan dokongan daripada pihak kerajaan yang turut boleh menjadi pembiaya bagi menjayakan penerbitan filem seperti ini," katanya.





PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku. Boleh juga tebus baucar DELiMa untuk **PAPADOM**.

harga **RM19.90**

Fardu kifayah berdepan cabaran dunia moden

LAIN JENAZAH LAIN URUSNYA

SYED HAZIQUE

PENGURUSAN jenazah atau mayat merupakan satu kewajipan bagi orang yang hidup terhadap yang telah meninggal dunia. Dalam Islam, pengurusan jenazah merupakan fardu kifayah dan wajib disempurnakan sebelum jenazah itu dikebumikan.

Bahkan dalam agama lain sekalipun, pengurusan jenazah adalah sebagai penghormatan terakhir bagi orang yang hidup kepada orang yang telah mati.

Kefarduan tersebut merangkumi memandikan jenazah, mengkafankan, solat jenazah dan mengubumi si mati. Ia dilakukan mengikut urutan dari memandikan jenazah hinggalah kepada proses pengebumian.

Bagi si mati yang bukan Islam, upacara terakhir adalah mengikut agama dan kepercayaan masing-masing namun penghormatan terakhir kepada si mati masih harus dilakukan dengan penuh rasa hormat.

Walau bagaimanapun, ada juga kes terpencil di mana orang Islam dikebumikan dengan kaedah agama lain yang jelas bertentangan dengan syarak.

Terdahulu, tular di media sosial tentang berita kematian suami pelakon dari Indonesia, Jennifer Coppen iaitu Yitta Dali Wassink. Dia dilaporkan maut dalam satu kemalangan jalan raya di Sunset Road, Kabupaten Badung, Bali.

Perkara yang menjadi perhatian ramai apabila jenazah Dali dibakar dan tidak diuruskan seperti jenazah



PENGURUSAN jenazah adalah sebagai penghormatan terakhir kepada si mati. - Gambar hiasan

Muslim yang lain sedangkan dia baru sahaja memeluk Islam.

Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan, **Datuk Mohamad Abdullah** berkata hukum menguruskan jenazah mualaf dengan cara Islam adalah wajib.

“Hal ini kerana perbuatan tersebut termasuk dalam fardu kifayah.

“Memetik laman Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Imam al-Rafi'e berkata, fardu kifayah merupakan

perkara kulliyah yang berkait dengan masalah agama dan duniawi yang dituntut oleh syarak untuk melaksanakannya,” katanya kepada Wilayahku.

Mohamad menegaskan sekiranya keluarga si mati tidak membenarkannya, maka individu yang lain bertanggungjawab melaporkan isu tersebut kepada pihak jabatan agama.

“Sekiranya seorang Islam meninggal dunia dan keluarganya tidak memeluk Islam serta enggan

mengurus jenazah secara Islam, maka masyarakat Islam hendaklah melaporkan ke pejabat agama Islam.

“Ia supaya memohon perintah Mahkamah Syariah agar si mati dapat dikebumikan secara Islam,” tegasnya.

Mohamad turut menjelaskan, si mati tidak dikira berdosa terhadap perkara tersebut kerana tidak mampu untuk melakukan apa-apa.

“Individu atau si mati tidak terdaya untuk menghalang perkara tersebut daripada berlaku, maka ia

tidak dikira berdosa. Setiap umat Islam akan ditempatkan dalam syurga Allah SWT dan ia hanya untuk orang beriman sahaja,” katanya.

Oleh kerana itu, menurutnya, adalah amat penting bagi masyarakat untuk mempelajari ilmu fardu kifayah dalam memastikan bahawa keperluan asas masyarakat seperti makanan, pakaian, perumahan, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan dapat dipenuhi dengan cara yang selaras dengan ajaran Islam.

“Dengan melaksanakan fardu kifayah dalam pelbagai bidang, umat Islam dapat memperkukuh kesejahteraan ummah secara holistik. Ia merangkumi aspek rohani, fizikal, intelektual dan sosial, yang memastikan pembangunan dan kemajuan masyarakat Islam secara seimbang dan lestari.

“Ia juga menggalakkan semangat kerjasama dan tanggungjawab kolektif dalam kalangan umat Islam selain memupuk sikap saling membantu dan bertanggungjawab antara satu sama lain dalam memastikan kesejahteraan dan kemajuan masyarakat secara keseluruhan.

“Fardu kifayah membantu dalam menjaga identiti dan nilai-nilai Islam dalam masyarakat. Dengan memastikan bahawa keperluan dan aktiviti masyarakat dipenuhi mengikut prinsip-prinsip syariah, ia memelihara kesucian dan integriti cara hidup Islam dalam menghadapi cabaran-cabaran dunia moden,” ujarnya.

SERTAI SALURAN TELEGRAM

t.me/wilayahku

UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR